



رئاسة الشؤون الدينية  
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

# Panduan dan Kajian Berkenaan Haji, Umrah dan Ziarah, Menurut al-Quran dan al-Sunnah

التحقيق والإيضاح لكثير من مسائل الحج والعمرة والزيارة

Melayu

ملايو

Karangan

Imam Abdul 'Azīz bin Abdullah Ibn Bāz

ح) جمعية خدمة المحتوى الإسلامي باللغات ، ١٤٤٦ هـ

بن باز ، عبدالعزيز  
التحقيق والإيضاح في مسائل الحج والعمرة - ملبو. / عبدالعزيز  
بن باز ؛ جمعية خدمة المحتوى الإسلامي باللغات - ط.١. - الرياض ،  
١٤٤٦ هـ

١٠٣ ص ؛ ..سم

رقم الإيداع: ١٤٤٦/١٢٤٦٧  
ردمك: ٢-٦٤-٨٥١٧-٦٠٣-٩٧٨

التحقيق والإيضاح لكثير من مسائل الحج والعمرة والزيارة

**Panduan dan Kajian Berkenaan  
Haji, Umrah dan Ziarah,  
Menurut al-Quran dan al-Sunnah**

**Karangan:**

**Imam Abdul ‘Azīz bin Abdullah Ibn Bāz**

# Dengan nama Allah yang Maha Penyayang, lagi Maha Mengasihani

## Sekapur Sireh

Segala puji hanya bagi Allah semata-mata, selawat dan salam ke atas Nabi yang tiada nabi sesudahnya.

Ini adalah mansak, iaitu panduan ringkas yang merangkumi penerangan dan kajian berkenaan banyak persoalan berkaitan haji, umrah, dan ziarah, berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW<sup>1</sup>. Panduan ini saya himpulkan untuk diri saya sendiri dan sesiapa sahaja daripada kalangan umat Islam yang menginginkannya. Saya telah berusaha untuk menyusun dan meneliti isinya berdasarkan dalil yang kukuh.

Buku ini pertama kali diterbitkan pada tahun 1363H dengan pembiayaan daripada Almarhum Raja Abdul Aziz bin Abdul Rahman Al-Faisal – semoga Allah mensucikan rohnya dan memuliakan tempat persemadiannya.

Kemudian saya menambah sedikit isi kandungannya, menyelitkan beberapa penjelasan yang perlu dan memutuskan untuk menerbitkannya semula agar ia dapat dimanfaatkan oleh sesiapa yang Allah kehendaki. Buku ini saya namakan “Panduan dan Kajian Berkenaan Haji, Umrah dan Ziarah Menurut al-Quran & al-Sunnah.” Kemudian selepas itu, saya menambahkan lagi beberapa maklumat penting serta peringatan yang berguna demi melengkapkan manfaatnya. Buku ini telah beberapa kali dicetak.

---

<sup>1</sup> Edisi ke-31 (tahun 1417H) panduan ini telah disemak oleh beliau (penulisnya) dalam beberapa sesi, dengan sesi terakhir berlangsung pada 12 Zulhijjah 1418H.

Saya memohon kepada Allah agar meluaskan manfaatnya dan semoga usaha ini diterima sebagai amal yang ikhlas kerana wajahnya. Semoga ia menjadi jalan untuk memperoleh kejayaan di sisiNya di syurga penuh kenikmatan. Cukuplah Allah bagi kita, Dia sebaik-baik pelindung. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

**Pengarang**

**Abdul ‘Aziz bin Abdullah bin Baz**

**Mufti Am Kerajaan Arab Saudi**

**Pengerusi Komiti Ulama Senior**

**dan Pengerusi Jabatan Kajian Ilmiah dan Fatwa**

## Mukadimah

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, hamba dan utusan-Nya, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

Risalah ringkas ini membincangkan tentang haji, keutamaannya, adab-adabnya, serta panduan bagi mereka yang berhasrat untuk menunaikannya. Ia juga mengandungi penjelasan ringkas dan padat mengenai pelbagai persoalan penting berkaitan haji, umrah dan ziarah. Dalam penyusunan risalah ini, saya berusaha untuk mendasarkan setiap perkara kepada dalil dari kitab Allah dan sunnah Rasulullah SAW.

Risalah ini saya tulis sebagai nasihat kepada umat Islam, selaras dengan firman Allah SWT:

﴿وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ﴾ [الذاريات: ٥٥]

*“Dan berilah peringatan, kerana peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang yang beriman.”<sup>1</sup>*

Allah SWT juga berfirman:

﴿وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ...﴾ [آل عمران: ٧٥]

*“Dan ingatlah ketika Allah mengambil perjanjian dari orang-orang yang telah diberi kitab, agar kamu menerangkannya kepada manusia dan tidak menyembunyikannya.”<sup>2</sup>* ... sehingga akhir ayat.

dan juga firman Allah SWT:

﴿... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ...﴾ [المائدة: ٢٠]

---

<sup>1</sup> Surah al-Dhariyat: 55.

<sup>2</sup> Surah Ali Imran: 187.

*"Tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan ketakwaan." (Surah al-Ma'idah: 2)<sup>1</sup>*

Demikian juga dalam hadis sahih, Nabi SAW bersabda: "Agama itu adalah nasihat." Baginda mengulangi sebanyak tiga kali. Para sahabat bertanya: "Nasihat untuk siapa, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin umat Islam, dan orang awam mereka."<sup>2</sup>

Diriwayatkan pula daripada Hudhayfah bin al-Yaman, bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang tidak peduli berkenaan urusan kaum Muslimin, dia bukanlah daripada mereka. Sesiapa yang tidak berpetangan dan berpagian dalam keadaan menginginkan kebaikan buat pihak Allah, Rasul-Nya, para pemimpin kaum Muslimin dan orang awam Muslimin, maka dia bukanlah dalam kalangan mereka."<sup>3</sup>

Saya memohon kepada Allah agar karya ini memberi manfaat kepada diri saya dan umat Islam serta menjadikan usaha ini sebagai amalan ikhlas kerana-Nya. Semoga ia menjadi sebab untuk meraih kejayaan di sisi-Nya di syurga penuh kenikmatan. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengabulkan doa. Dialah sebaik-baik pelindung dan tempat bergantung.

---

<sup>1</sup> (Surah al-Ma'idah: 2)

<sup>2</sup> Riwayat Ahmad dalam Musnad al-Shamiyyin iaitu hadis Tamim al-Dari (16499) dan Muslim, Bab Penerangan Bahawa Agama Adalah Nasihat (55).

<sup>3</sup> Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Saghir (905).

## Fasal Berkenaan Dalil-dalil Kewajipan Haji dan Umrah serta Kepentingan Menyegerakannya

Setelah memahami hal ini, ketahuilah – semoga Allah memberi petunjuk kepada kita semua untuk mengetahui kebenaran dan mengikutinya – bahawa Allah SWT telah mewajibkan hamba-hamba-Nya untuk melaksanakan haji ke Rumah Suci Allah, bahkan ia merupakan salah satu daripada rukun Islam.

Allah SWT berfirman:

(... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَفِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾ [آل عمران: ٩٧])

*“Dan kewajipan manusia terhadap Allah adalah menunaikan haji ke Baitullah, iaitu bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke sana. Sesiapa yang kufur (ingkar), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari seluruh alam.”<sup>1</sup>*

Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, daripada Ibn 'Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda: **"Islam dibangun di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan menunaikan haji ke Baitullah."**<sup>2</sup>

Sa'id bin Mansur meriwayatkan daripada 'Umar bin al-Khattab RA, beliau berkata: *"Mahu sahaja aku utuskan beberapa orang wakil ke seluruh pelusuk negeri Islam untuk menyiasat sesiapa yang mampu<sup>3</sup> melaksanakan haji, tetapi enggan melakukannya.*

---

<sup>1</sup> Surah Ali Imran: 97.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (8) dan Muslim (16).

<sup>3</sup> Mampu dengan erti kata kelapangan harta.



*Saya mahu wajibkan mereka membayar jizyah kerana mereka bukanlah orang Islam, mereka bukanlah orang Islam."* Diriwayatkan daripada 'Ali bin Abu Talib RA, beliau berkata: *"Sesiapa yang mampu melaksanakan haji, tetapi mengabaikannya, maka biarlah dia mati sebagai Yahudi atau Nasrani."*

Bagi sesiapa yang belum menunaikan haji meskipun mampu, wajib baginya untuk segera menunaikannya, berdasarkan riwayat daripada Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: **"Segerakanlah menunaikan haji – iaitu haji wajib – kerana sesungguhnya seseorang tidak tahu apa yang akan berlaku kepadanya."**<sup>1</sup> Riwayat Ahmad.

Haji adalah kewajipan yang mesti dilaksanakan segera bagi mereka yang telah memenuhi syarat kemampuan, berdasarkan kepada zahir firman Allah SWT:

(... وَ لِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا وَمَنْ كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ ﴿٩٧﴾ [آل عمران: ٩٧])

*"Dan kewajipan manusia terhadap Allah adalah menunaikan haji ke Baitullah, iaitu bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke sana. Sesiapa yang kufur (ingkar), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari seluruh alam."*<sup>2</sup>

dan juga berdasarkan sebuah khutbah Nabi SAW, baginda bersabda: **"Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah mewajibkan haji ke atas kamu, maka tunaikanlah."** Riwayat Muslim.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Riwayat Ahmad dalam al-Musnad (2864).

<sup>2</sup> (Surah Ali Imran: 97)

<sup>3</sup> Riwayat Muslim (1337).

Terdapat banyak hadis yang menjadi dalil kewajipan umrah, antaranya:

Jawapan Nabi SAW bagi soalan Jibrail berkenaan Islam, baginda bersabda, "Islam ialah kamu bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah, kamu mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan umrah, mandi junub, menyempurnakan wuduk dan berpuasa pada bulan Ramadan."<sup>1</sup> Riwayat Ibn Khuzaymah dan al-Daraqutni daripada 'Umar bin al-Khattab. Menurut al-Daraqutni, sanadnya benar lagi sahih.

Antaranya lagi: Hadis Aisyah RA, beliau bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah wanita juga wajib berjihad?" Baginda SAW menjawab, "Mereka wajib berjihad yang tiada perang padanya: Iaitu haji dan umrah."<sup>2</sup> Riwayat Ahmad dan Ibn Majah dengan sanad yang sahih.

Haji dan umrah hanya wajib sekali seumur hidup, berdasarkan sebuah hadis sahih daripada Nabi SAW: "Haji hanya wajib sekali, selebihnya adalah sukarela."<sup>3</sup>

Tetapi digalakkan untuk memperbanyakkan haji dan umrah secara suka rela, berdasarkan hadis sahih daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Umrah yang satu ke umrah yang berikutnya adalah penghapus dosa [kecil] yang dilakukan antaranya. Haji mabrur tiada ganjaran kurang daripada ganjaran syurga."<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Riwayat Ibn Khuzaymah dalam Kitab al-Manasik (3044) dan al-Daraqutni dalam Kitab al-Hajj (2664)

<sup>2</sup> Riwayat Ibn Majah (2901).

<sup>3</sup> Riwayat Ahmad (2637) dan al-Darimi dalam Kitab al-Manasik (1788).

<sup>4</sup> Riwayat al-Bukhari (1773) dan Muslim (1349).

## Fasal Berkenaan Kewajipan Bertaubat daripada Maksiat dan Mengembalikan Hak yang Dizalimi

Apabila seorang Muslim sudah bertekad azam untuk mengerjakan haji atau umrah, disunatkan baginya untuk berpesan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan agar bertakwa kepada Allah. Takwa bermaksud melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Selain itu, dia dianjurkan untuk menulis segala hutang piutang yang dimilikinya, baik yang berhak diterima mahupun yang harus dilunasi, serta melibatkan saksi. Dia juga diwajibkan untuk segera bertaubat dengan sebenar-benar taubat (taubat nasuha) daripada semua dosa, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿... وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾ [النور: ٣١]

*"Bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang beriman, supaya kalian beruntung."*<sup>1</sup>

Taubat yang hakiki itu terdiri dari tiga perkara:

1. Meninggalkan dosa dan berhenti melakukannya.
2. Menyesali dosa yang telah dilakukan.
3. Bertekad untuk tidak mengulanginya lagi di masa depan.

Jika seseorang menanggung hak orang lain—baik berupa nyawa, harta, mahupun maruah—wajib dia kembalikan kepada yang berhak atau memohon halal sebelum berangkat. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW: **"Sesiapa yang menanggung hak saudaranya secara zalim—baik berupa harta atau maruah—hendaklah dia memohon halal pada hari ini, sebelum tiba hari yang tiada guna dinar atau dirham. Pada hari tersebut, jika dia memiliki amal soleh, ia**

---

<sup>1</sup> Surah al-Nur: 31.

akan diambil mengikut kadar kezalimannya. Jika tidak ada amal soleh, dosa saudaranya akan dimasukkan ke dalam akaunnya."<sup>1</sup>

Dia juga sewajarnya menyediakan belanja dan bekalan haji dan umrah daripada sumber yang halal, berdasarkan hadis sahih, Nabi SAW bersabda: "Sungguh, Allah itu baik; dan Dia tidak menerima melainkan yang baik-baik."<sup>2</sup> Dalam riwayat al-Tabarani daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seseorang keluar untuk menunaikan haji dengan sumber yang halal, lalu dia mengucapkan, 'Labbaikallahumma labbaik,' maka terdengar suara dari langit menjawab: 'Labbaik wa sa'daik! Bekalanmu halal, tungganganmu halal, hajimu diterima dan tidak membawa dosa.'

Namun jika seseorang keluar dengan sumber yang haram, lalu dia mengucapkan, 'Labbaikallahumma labbaik,' terdengar suara dari langit menjawab: 'Tiada labbaik dan tiada sa'daik! Bekalanmu haram, nafkahmu haram, dan hajimu tidak diterima.'"<sup>3</sup>

Demikian juga dia sewajarnya menjaga maruah diri dengan tidak meminta-minta daripada orang lain. Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang menjaga maruah dirinya daripada meminta-minta, Allah akan mencukupkan keperluannya. Sesiapa yang berusaha untuk berdikari, Allah akan memberikannya upaya untuk berdikari."<sup>4</sup>

Nabi SAW juga bersabda: "Seseorang yang terus meminta-minta kepada manusia, akan datang pada hari kiamat dalam keadaan tidak ada secarik daging pun di wajahnya."<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (2449).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1015).

<sup>3</sup> Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat (5224).

<sup>4</sup> Riwayat al-Bukhari (1469) dan Muslim (1053).

<sup>5</sup> Riwayat al-Bukhari (1475) dan Muslim (1040).

Wajib bagi seseorang yang mahu menunaikan haji atau umrah untuk mengikhlaskan niatnya hanya kepada Allah, dengan tujuan meraih keredaan-Nya dan ganjaran di akhirat. Dalam perjalanan ibadah ini, hendaklah ia mendekatkan diri kepada Allah dengan ucapan dan perbuatan yang diredai-Nya di tanah suci.

Hendaklah ia berhati-hati dari menunaikan haji demi tujuan duniawi, seperti mencari keuntungan, pujian atau kemegahan. Allah SWT berfirman:

﴿مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحِطَّ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبَطُلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾﴾ [هود: ١٥-١٦]

*"Sesiapa yang inginkan ganjaran dunia dan perhiasannya, Kami akan berikannya kepada mereka di dunia, secara sempurna tanpa kurang."*<sup>1</sup>

*Tetapi di akhirat kelak mereka tidak akan mendapat sebarang bahagian, melainkan neraka. Segala amalan mereka ditolak, dan pekerjaan mereka hanya sia-sia."*<sup>2</sup>

Allah SWT juga berfirman:

﴿مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَدْحُورًا ﴿١٨﴾ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَى لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَشْكُورًا ﴿١٩﴾﴾ [الإسراء: ١٨-١٩]

*"Sesiapa yang menginginkan imbalan yang segera (duniawi), Kami akan segerakan baginya sesuai kehendak Kami. Kemudian Kami akan jadikan masukannya ke dalam neraka dalam keadaan tercela dan terusir."*<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Surah Hud: 15.

<sup>2</sup> Surah Hud: 16.

<sup>3</sup> Surah al-Isra': 18.

*Sementara sesiapa yang menginginkan akhirat dan berusaha untuknya dengan sungguh-sungguh dalam keadaan beriman, maka usaha mereka akan dihargai."*<sup>1</sup>

Nabi SAW meriwayatkan dalam hadis qudsi yang sahih: "Allah SWT berfirman: Aku adalah yang paling tidak memerlukan sekutu. Sesiapa yang melakukan suatu amal dan menyekutukan-Ku dengan selain-Ku, Aku akan meninggalkannya bersama sekutunya itu."<sup>2</sup>

Disarankan bagi orang yang menunaikan haji untuk memilih teman perjalanan yang soleh, berilmu dan bertakwa. Dalam masa yang sama, wajib menjauhi orang yang fasik atau suka melakukan perbuatan sia-sia.

Seseorang yang ingin menunaikan haji atau umrah juga sewajarnya mempelajari tatacara yang disyariatkan dalam ibadah tersebut, seperti rukun, wajib, dan sunnahnya. Jika tidak faham, segera bertanya ulama, supaya tindak-tanduknya berdasarkan ilmu.

Seperti sunnah apabila menaiki kenderaan. untuk memulai perjalanan dengan menyebut nama Allah, memuji-Nya, dan bertakbir tiga kali. Setelah itu, membaca doa berikut:

(... سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿٣٦﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿٣٧﴾) [الزخرف: ٣٦-٣٧]

*"Maha Suci (Allah) yang telah menundukkan semua ini bagi kami, padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya."*<sup>3</sup>

*Dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami."*<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Isra': 19.

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (2985).

<sup>3</sup> Surah al-Zukhruf: 13.

<sup>4</sup> Surah al-Zukhruf: 14.

*Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebaikan dan ketakwaan dalam perjalanan ini, dan amalan yang Kau redai. Ya Allah, permudahkan perjalanan, lipatkanlah jaraknya. Wahai Allah, Engkua peneman dalam perjalanan, dan pelindung bagi keluarga yang ditinggalkan. Wahai Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kesulitan perjalanan, pemandangan yang menyedihkan dan kesudahan yang buruk pada harta dan keluarga.*<sup>1</sup>

bacaan ini sahih dari Nabi SAW, sebagaimana yang direkodkan Imam Muslim, daripada Ibn 'Umar RA.

Dia juga sewajarnya memperbanyakkan istighfar, berdoa kepada Allah, membaca al-Quran dan mentadabur maknanya, menjaga solat berjemaah, menjaga lidahnya daripada gosip dan topik tidak berkaitan, atau gurauan yang melampau. Dia juga perlu melindungi lisannya daripada dusta, umpatan, adu domba sesama orang Islam.

Sebaliknya, dia perlu bersikap baik dengan teman seperjalanan, tidak menyakiti mereka, mengajak mereka kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkarannya dengan hikmah, semampunya.

---

<sup>1</sup> Riwayat Ahmad (2675) dan al-Tirmidhi (3447).

## Fasal: Amalan Apabila Sampai di Miqat

Apabila seseorang tiba di miqat, disunatkan untuk mandi dan memakai wangian. Ini berdasarkan riwayat bahawa Nabi Muhammad SAW menanggalkan pakaian yang berjahit ketika hendak berihram dan baginda mandi.

Dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, Aisyah RA berkata: *"Saya pernah mengenakan wangian kepada Rasulullah SAW untuk ihramnya sebelum baginda berihram, dan dalam keadaan halal sebelum baginda tawaf (ifadhah) di Kaabah."*<sup>1</sup> Rasulullah SAW juga memerintahkan Aisyah, apabila beliau datang haid setelah berihram untuk umrah, agar mandi dan berihram dengan haji. Selain itu, Rasulullah SAW juga memerintahkan Asma' binti Umais, yang melahirkan anak di Dzul Hulayfah supaya mandi, memakai kain untuk menahan darah dan berihram. Ini menunjukkan bahawa wanita yang tiba di miqat dalam keadaan haid atau nifas juga disunatkan mandi dan berihram seperti orang lain, serta melakukan semua amalan haji kecuali tawaf di Kaabah, berdasarkan arahan Nabi SAW kepada Aisyah dan Asma'.

Bagi yang hendak berihram, disunatkan untuk kerapikan misai, memotong kuku, membersihkan bulu kemaluan dan ketiak. Ini bagi mengelakkan keperluan melakukannya selepas berihram, kerana perbuatan tersebut diharamkan ketika dalam ihram. Rasulullah SAW menetapkan penjagaan kebersihan ini kepada umat Islam pada setiap masa, bukan hanya ketika ihram.

Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: **"Lima perkara yang merupakan fitrah: berkhatan, mencukur bulu**

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1539) dan Muslim (1189).



kemaluan, merapikan misai, memotong kuku, dan mencabut bulu ketiak."<sup>1</sup> Dalam Sahih Muslim, daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata: "Kami diberi tempoh untuk memotong misai, kuku, mencabut bulu ketiak, dan mencukur bulu kemaluan agar tidak melebihi empat puluh malam."<sup>2</sup>

Dalam riwayat al-Nasa'i, lafaznya: "Rasulullah SAW memberi tempoh kepada kami..."<sup>3</sup> Lafaz dengan penjelasan bahawa Nabi SAW yang menetapkan waktu ini direkodkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidhi juga. Berkenaan rambut di kepala, tidak disyariatkan untuk dipotong ketika berihram, baik bagi lelaki mahupun wanita.

Tetapi perlu diingatkan, bahawa janggut haram dicukur atau dipotong, pada setiap masa. Bahkan janggut wajib disimpan dan dibiarkan, berdasarkan hadis dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, daripada Ibn 'Umar RA, Rasulullah SAW bersabda: "Berbeza dengan kaum musyrikin; biarkanlah janggut, dan rapikanlah misai."<sup>4</sup> Dalam Sahih Muslim, daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Rapikanlah misai dan biarkanlah janggut tumbuh panjang; berbeza dengan kaum Majusi."<sup>5</sup>

Pada zaman ini, musibah besar telah berlaku apabila ramai yang mengabaikan sunnah ini. Mereka memerangi amalan memelihara janggut, malah selesa meniru kaum kafir dan menyerupai wanita. Hal ini amat menyedihkan, lebih-lebih lagi apabila dilakukan oleh

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (5891) dan Muslim (257).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (258).

<sup>3</sup> Riwayat al-Nasa'i (14).

<sup>4</sup> Riwayat al-Bukhari (5892).

<sup>5</sup> Riwayat Muslim (260).

mereka yang mendakwa dirinya terlibat dalam bidang ilmu dan pendidikan. Innalillah, wa inna ilayhi raji'un.

Kita memohon kepada Allah agar memberikan petunjuk kepada kita dan seluruh umat Islam supaya sentiasa mengikuti sunnah, berpegang teguh padanya, dan menyebarkannya walaupun majoriti orang tidak menyukainya. Cukuplah Allah sebagai penolong, dan Dia sebaik-baik pelindung. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Seorang lelaki yang hendak berihram disyariatkan memakai kain ihram yang terdiri daripada sehelai kain sarung (izar) dan sehelai kain selendang (rida'). Disunatkan kain ini berwarna putih dan bersih. Dia juga disunatkan berihram dengan memakai dua kasut atau selipar, sebagaimana sabda Nabi SAW: "Hendaklah salah seorang daripada kamu berihram dengan memakai izar, rida' dan dua selipar."<sup>1</sup> Riwayat Imam Ahmad.

Bagi wanita, diharuskan berihram dengan memakai pakaian apa sahaja warna seperti hitam, hijau, atau warna lain, asalkan tidak menyerupai pakaian lelaki. Namun wanita yang berihram dilarang memakai niqab dan sarung tangan. Tetapi dia boleh menutup muka dan tangannya dengan kain selain daripada niqab dan sarung tangan, kerana Nabi SAW melarang wanita yang berihram memakai niqab dan sarung tangan.

Amalan sebahagian masyarakat yang menetapkan wanita mesti memakai pakaian hijau atau hitam ketika berihram, ia tidak mempunyai asas dalam agama.

Setelah mandi, membersihkan diri dan memakai pakaian ihram, seseorang itu berniat dalam hati untuk memasuki ibadah

---

<sup>1</sup> Riwayat Ahmad (4881).

yang dikehendaki, sama ada haji atau umrah. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW: "Segala amal itu bergantung kepada niat, dan setiap orang mendapat hanya apa yang diniatkannya."<sup>1</sup>

Disyariatkan untuk melafazkan apa yang diniatkan ketika ihram.

Jika berniat untuk umrah, ucapkan: "Labbaik Allahumma 'Umrah" atau "Labbaik 'Umrah."

Jika berniat untuk haji, ucapkan: "Labbaik Allahumma Hajj" atau "Labbaik Hajj."

Jika berniat untuk kedua-duanya, lafazkan: "Labbaik Allahumma 'Umrah wa Hajj." Yang terbaik adalah melafazkan niat ini setelah berada di atas kenderaan, sama ada haiwan tunggangan, kereta, atau yang seumpamanya, kerana Nabi SAW melafazkan niatnya selepas baginda naik ke tunggangannya dan ia bergerak dari miqat. Ini adalah pendapat yang paling sahih dalam kalangan ulama.

Namun melafazkan niat ini hanya disyariatkan ketika ihram sahaja, kerana ia datang daripada Nabi SAW.

Bagi ibadah lain seperti solat atau tawaf, tidak disyariatkan melafazkan niat. Seseorang tidak perlu mengatakan, "Aku berniat solat ini dan ini," atau "Aku berniat tawaf ini." Melafazkan niat seperti itu adalah bidaah yang diada-adakan. Lebih buruk dan berdosa, sekiranya seseorang melantangkan lafaz niatnya.

Jika melafazkan niat itu sesuatu yang disyariatkan, sudah pasti Rasulullah SAW akan menjelaskannya kepada umat ini melalui perbuatan atau ucapannya. Malah para sahabat dan tabiin juga sudah tentu akan mendahului umat dalam melakukannya.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907).

Namun kerana perbuatan melafazkan niat ini tidak pernah diriwayatkan daripada Nabi SAW atau para sahabatnya, jelaslah bahawa ia adalah bidaah. Nabi SAW bersabda:

"Sejelek-jelek perkara agama adalah yang diada-adakan, dan setiap bidaah itu adalah sesat."<sup>1</sup> Riwayat Muslim dalam Sahihnya. Baginda SAW juga bersabda, "**Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu dalam urusan agama kami yang bukan daripadanya, maka ia tertolak.**"<sup>2</sup> Hadis ini disepakati kesahihannya. Dalam lafaz Sahih Muslim: "**Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tiada perintah dari kami, maka ia tertolak.**"<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Riwayat Ahmad (16694) dan Abu Dawud (4607).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (2697), Muslim (1718), Abu Dawud (4606), Ibn Majah (14) dan Imam Ahmad (6/256).

<sup>3</sup> Riwayat Muslim (1718), al-Bukhari menukulkannya secara ta'liq.

## Fasal: Lokasi-Lokasi Miqat Tempat

Terdapat lima Miqat tempat yang telah ditetapkan:

1. Dzul Hulayfah, iaitu Miqat bagi orang yang datang dari Madinah. Kini dikenali sebagai Abyar 'Ali (Telaga Ali).

2. Juhfah, iaitu Miqat bagi orang yang datang dari Syam. Ia sebuah perkampungan yang sudah musnah, berdekatan dengan Rabigh. Praktis zaman ini adalah berihram di Rabigh. Rabigh terletak sebelum sedikit dari Juhfah, maka sesiapa yang berihram di situ, sah ihramnya.

3. Qarnul Manazil, iaitu Miqat orang yang datang dari Najd. Pada hari ini, ia dikenali dengan al-Sayl al-Kabir.

4. Yalamlam, iaitu Miqat orang yang datang dari Yaman.

5. Dzat 'Iirq, iaitu Miqat bagi orang yang datang dari 'Iraq.

Miqat-miqat ini telah ditentukan oleh Nabi SAW untuk penduduk kawasan yang disebutkan, serta bagi orang-orang yang berniat umrah atau haji yang melintasinya miqat tersebut, walaupun bukan penduduk kawasan itu.

Wajib bagi sesiapa yang melalui miqat-miqat ini untuk memulakan ihram di situ jika ingin menunaikan haji atau umrah. Haram baginya melepasi miqat tanpa berihram, tidak kira melalui darat atau udara. Dalilnya sabdaan Nabi SAW: "**Miqat-miqat ini adalah untuk penduduk tempat tersebut dan juga untuk sesiapa yang melaluinya selain daripada mereka dengan niat haji atau umrah.**"<sup>1</sup>

Bagi mereka yang menuju ke Mekah melalui udara untuk tujuan haji atau umrah, disarankan untuk bersiap-siap mandi dan mengenakan pakaian ihram sebelum menaiki pesawat. Apabila

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1527) dan Muslim (1181).

pesawat menghampiri miqat, kaum lelaki perlu mula memakai pakaian ihram (izar dan rida') dan melafazkan talbiah untuk umrah juga jika waktu mencukupi. Jika waktu tidak mencukupi untuk umrah, lafazkan talbiah untuk haji sahaja. Jika pakaian ihram dipakai lebih awal sebelum menaiki pesawat atau sebelum sampai ke miqat, ia tidak menjadi masalah. Namun niat untuk memulakan ihram dan talbiah hanya dilakukan apabila pesawat melintasi miqat atau hampir dengannya. Ini kerana Nabi SAW sendiri memulakan ihram hanya di miqat.

Menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk mencontohi Nabi SAW dalam bab ini, begitu juga segala bab agama yang lain, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ...﴾ [الأحزاب: ٥٦]

*"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu."*<sup>1</sup> Nabi SAW juga bersabda dalam Khutbah Haji Terakhir: **"Ambillah daripadaku manasik (tatacara) haji kamu."**<sup>2</sup>

Bagi seseorang yang menuju ke Mekah tanpa niat untuk haji atau umrah, seperti peniaga, pencari kayu api, utusan, atau tujuan lain, tidak diwajibkan ihram kecuali jika dia ingin melakukan haji atau umrah, kerana Nabi SAW bersabda: **"Miqat-miqat ini adalah untuk penduduk tempat tersebut, dan juga bagi sesiapa yang melaluinya selain mereka dengan niat haji atau umrah."**<sup>3</sup> Maka difahami tersirat daripada hadis ini, sesiapa yang melalui Miqat tanpa niat haji dan umrah, tidak perlu berihram.

---

<sup>1</sup> Surah al-Ahzab: 21.

<sup>2</sup> Riwayat Muslim dalam Kitab al-Hajj (1297)

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari (1524) dan Muslim (1181).

Ini adalah rahmat dan kemudahan yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya, layaklah puji dan syukur hanya buat-Nya.

Sebagai sokongan, Nabi SAW ketika masuk Mekah pada tahun Pembukaan Mekah, baginda tidak berihram, bahkan baginda masuk ke Mekah dengan memakai penutup kepala (mighfar), kerana tujuan baginda ketika itu adalah untuk menakluk Mekah dan menghapuskan syirik, bukan untuk haji atau umrah.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan selepas Miqat, seperti Jeddah, Ummu Salam, Bahrah, Syarāi', Badr, atau kawasan seumpamanya, mereka tidak perlu berpatah balik pergi ke miqat-miqat utama untuk ihram. Tempat tinggal mereka itu sendiri menjadi Miqat mereka, jika mahu melaksanakan haji atau umrah. Jika seseorang memiliki dua tempat tinggal, satu di luar Miqat dan satu lagi di dalam, dia boleh memilih untuk berihram dari Miqat utama atau dari tempat tinggal yang lebih dekat dengan Mekah. Hal ini sesuai dengan sabda Nabi SAW: **"Dan bagi sesiapa yang berada lebih dekat daripada (lokasi-lokasi Miqat) itu, maka ihram mereka<sup>1</sup> adalah dari tempat tinggal mereka, bahkan penduduk Mekah berihram di Mekah sahaja."**<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Namun jika seseorang ingin menunaikan umrah sementara dia sudah berada dalam kawasan haram (Mekah), dia harus keluar ke kawasan tanah halal (di luar tanah haram) untuk memulakan ihram kerana Nabi SAW memerintahkan Aisyah RA untuk keluar ke Tan'im bersama adiknya, Abdul Rahman, untuk memulai ihram bagi umrah setelah haji.

---

<sup>1</sup> Tempat ihram, ertinya tempat mengenakan pakaian ihram dan bertalbiah.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1526) dan Muslim (1181).

Perintah ini menjadi dalil bahawa orang yang mahu melaksanakan umrah semasa di Mekah, dia tidak boleh berihram di tanah haram, sebaliknya perlu keluar ke tanah halal terlebih dahulu untuk berihram di sana. Hadis Aisyah ini mengecilkan skop umum dalam hadis Ibn Abbas yang sebelum ini, ia menunjukkan bahawa maksud sabda Nabi SAW: "**Sehingga penduduk Mekah berihram dari dalam Mekah,**"<sup>1</sup> Ia merujuk kepada ihram haji sahaja, tidak merangkumi ihram umrah. Jika ihram umrah boleh dilakukan dari tanah haram, pastilah baginda tidak menyukarkan Aisyah untuk keluar ke tanah halal di Tan'im. Isu ini sudah jelas, bahkan ia pendapat majoriti ulama yang mengharmonikan antara kedua-dua hadis. Allah jua yang memberi tawfiq.

Kebiasaan sesetengah orang yang memperbanyakkan umrah selepas haji dari Tan'im, Ji'ranah, atau tempat-tempat lain, sedangkan mereka telah melakukan umrah sebelum haji – tidak ada dalil yang menunjukkan ia disyariatkan. Sebaliknya dalil-dalil yang ada menunjukkan bahawa lebih baik meninggalkannya. Ini kerana Nabi SAW dan para sahabat baginda RA tidak melakukan umrah selepas selesai melaksanakan haji. Hanya Aisyah RA sahaja yang melakukan umrah dari Tan'im, kerana beliau tidak dapat melaksanakan umrah bersama rombongan ketika memasuki Mekah kerana datang bulan. Beliau kemudian meminta izin kepada Nabi SAW untuk melakukan umrah menggantikan umrah yang telah diniatkan dari miqat. Nabi SAW pun membenarkannya. Oleh

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1526) dan Muslim (1181).



itu, 'Ā'ishah memperoleh dua umrah: umrah yang bersama hajinya dan umrah yang dilakukan secara berasingan.

Jadi, sesiapa yang keadaannya sama seperti Aisyah, tiada masalah untuk melakukan umrah selepas selesai haji, berdasarkan dalil-dalil yang ada dan bagi memberi kemudahan kepada umat Islam.

Tambahan pula, realiti menunjukkan bahawa kesungguhan jemaah haji untuk melakukan umrah tambahan selepas haji, memberi beban kepada banyak pihak. Ia juga menyebabkan kesesakan dan kemalangan yang lebih banyak, di samping ia bertentangan dengan petunjuk dan sunnah Nabi SAW. Allah jualah yang memberi taufik.

## Fasal: Jika Tiba di Miqat pada Bukan Bulan-bulan Haji

Apabila seseorang sampai di Miqat, terdapat dua keadaan yang berkemungkinan berlaku:

Pertama: Dia sampai pada luar bulan-bulan haji. Contohnya, pada bulan Ramadan atau Syaaban. Dalam situasi ini, sunnah baginya adalah berniat untuk umrah. Caranya:

- Berniat dalam hati untuk menunaikan umrah, dan melafazkannya dengan berkata:

"Labbaika 'umrah" atau "Allahumma labbaika 'umrah".

- Kemudian bertalbiah dengan bacaan: "Labbaika Allahumma labbaika, labbaika laa syariika laka labbaika, innalhamda wan-ni'mata laka wal-mulk, laa syariika lak."<sup>1</sup> (Aku penuhi panggilan-Mu ya Allah, aku penuhi panggilan-Mu, aku penuhi panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu, aku penuhi panggilan-Mu, sesungguhnya segala puji, kenikmatan, dan kerajaan milik-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu). Bacaan ini diulang-ulang, diiringi zikir kepada Allah SWT, sehingga tiba di Kaabah.

Sesampainya di Masjidil Haram:

1. Hentikan talbiah.
2. Lakukan tawaf sebanyak tujuh pusingan.
3. Solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim.
4. Sa'i antara Safa dan Marwah sebanyak tujuh kali.
5. Akhir sekali, cukur rambut (bagi lelaki) atau potong sedikit rambut (bagi wanita).

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1549) dan Muslim (1184).

Dengan itu, selesailah umrah dan semua perkara yang diharamkan semasa ihram kembali menjadi halal.

Situasi Kedua: Sampai ke Miqat dalam bulan-bulan haji, sama ada pada bulan Syawal, Zulkaedah, dan 10 hari pertama Zulhijjah. Dalam keadaan ini, ada tiga pilihan:

1. Haji sahaja (Ifrad): Berniat untuk haji sahaja.
2. Umrah sahaja (Tamattu'): Berniat untuk umrah dahulu, kemudian haji.
3. Gabungan Haji dan Umrah (Qiran): Berniat keduanya sekali gus.

Nabi SAW ketika mana sampai ke Miqat pada bulan Zulkaedah semasa Haji Wada', baginda memberi 3 pilihan kepada para Sahabat. Akan tetapi yang sunnah baginya jika tidak membawa haiwan korban (hadyu) ialah berniat untuk umrah sahaja terlebih dahulu, seperti yang disebutkan dalam keadaan pertama kerana Nabi SAW telah memerintahkan para sahabat yang hampir tiba di Mekah untuk menjadikan ihram mereka sebagai umrah. Baginda sangat menekankan perkara ini di Mekah, sehingga para sahabat bertawaf, bersa'i, memendekkan rambut dan bertahallul sebagai mematuhi perintah Nabi SAW, kecuali bagi mereka yang membawa haiwan korban. Bagi yang membawa haiwan korban pula, yang terbaik baginya ialah berniat untuk haji dan umrah sekali gus (qiran), dan kekal dalam keadaan ihram sehingga hari Nahar (10 Zulhijjah), berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang melakukan sedemikian. Baginda memerintahkan para sahabat yang membawa haiwan korban, tetapi sudah berihram untuk umrah sahaja agar mereka menukar kepada talbiah haji dan umrah sekali gus, kemudian tidak bertahallul sehingga hari Nahar.

Jika dia hanya berihram untuk haji sahaja, maka tahallulnya juga pada hari Nahar, seperti yang mengerjakan haji qiran.

Sesiapa yang berniat untuk haji sahaja (ifrad) atau haji dan umrah sekali gus (qiran), tetapi tidak membawa haiwan korban, tidak digalakkan kekal dalam ihram. Sunnahnya adalah mengubah niat kepada umrah seperti arahan Nabi SAW kepada sahabat-sahabatnya.

Namun jika tiba di Miqat pada saat akhir dan bimbang terlepas waktu haji, dibolehkan untuk terus kekal dalam ihram. Wallahu a'lam.

Jika seseorang khuatir tidak dapat menyempurnakan ibadah haji atau umrah kerana sakit atau halangan seperti musuh, dianjurkan untuk menyebut pengecualian ini semasa berniat:

"Fa in habasani haabisun fa mahilli haitsu habastani"

(Jika aku dihalang oleh sesuatu, maka tempat tahallulku adalah di mana aku terhalang.)<sup>1</sup> Ini berdasarkan hadis Dhuba'ah binti al-

Zubayr RA, beliau berkata: "Wahai Rasulullah, saya mahu melaksanakan haji, tetapi kesihatanku tidak memberangsangkan." Maka Nabi SAW bersabda, "Tetaplah berhaji, tetapi buatlah pengecualian 'Tempat tahallulku di mana sahaja aku terhalang'."<sup>2</sup>

Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Faedah pengecualian ini: Jika ada halangan seperti sakit atau musuh yang menghalang, orang tersebut boleh bertahallul tanpa perlu membayar dam (denda).

---

<sup>1</sup> Dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim dalam I'lam al-Muwaqqi'in (j. 3, h. 299).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (5089) dan Muslim (1207).

## Fasal: Status Haji Kanak-kanak, Adakah Memadai Kewajipan Hajinya?

Haji kanak-kanak lelaki atau perempuan kecil adalah sah. Hal ini berdasarkan hadis Sahih Muslim, daripada Ibn Abbas RA: Seorang wanita bertanya kepada Nabi SAW sambil mengangkat seorang anak kecil:

"Wahai Rasulullah, adakah anak ini dapat pahala haji?"

Nabi SAW menjawab:

"Ya, dan kamu juga mendapat pahala."<sup>1</sup>

- Dalam Sahih al-Bukhari, daripada al-Sa'ib bin Yazid RA, beliau berkata: "*Saya pernah dibawa menunaikan haji bersama Rasulullah SAW ketika berusia tujuh tahun.*"<sup>2</sup> Namun haji ini tidak memadai sebagai Haji Islam (haji wajib) apabila mereka baligh kelak.

Begitu juga, haji yang dilakukan oleh hamba lelaki atau perempuan adalah sah tetapi tidak memadai untuk Haji Islam.

Nabi SAW bersabda: "*Mana-mana kanak-kanak yang menunaikan haji, apabila dia baligh, wajib dia menunaikan haji sekali lagi. Mana-mana hamba yang menunaikan haji, apabila dia dimerdekakan, wajib dia menunaikan haji sekali lagi.*"<sup>3</sup> Riwayat

Ibn Abi Syaybah dan al-Bayhaqi, dengan sanad yang hasan.

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (1336).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1858).

<sup>3</sup> Riwayat al-Bayhaqi (9865).

Bagi kanak-kanak yang belum Mumayyiz (tidak mampu memahami apa-apa): Wali (penjaga) boleh berniatkan ihram untuknya, kemudian ditanggalkan pakaian berjahit, dan dipakaikan pakaian ihram, kemudian walinya bertalbiah bagi pihaknya. Dengan ini, mereka sudah dikira berihram dan mesti menjauhi perkara-perkara yang diharamkan ihram, seperti mana orang dewasa. Kanak-kanak perempuan dan lelaki yang belum Mumayyiz, sama sahaja dalam perkara ini. Pastikan tubuh badan dan pakaian mereka bersih semasa tawaf, kerana tawaf menyerupai solat, yang mensyaratkan kesucian.

Sekiranya kanak-kanak tersebut sudah mumayyiz, maka mereka perlu berihram sendiri dengan izin wali. Mereka disarankan melakukan amalan seperti mandi dan memakai wangi-wangian sebelum ihram, sebagaimana orang dewasa. Wali mereka ialah orang yang bertanggungjawab ke atas urusan mereka dan menjaga kepentingan mereka, sama ada bapa, ibu atau orang lain. Wali hanya membantu mereka dalam perkara yang mereka tidak mampu lakukan, seperti melontar jamrah. Amalan yang mereka mampu lakukan, seperti wuquf, mabit, tawaf dan sa'i, mereka perlu melakukannya sendiri. Jika kanak-kanak tidak mampu tawaf atau sa'i, walinya boleh menggendong mereka untuk melakukannya. Yang terbaik, wali disarankan untuk melakukan tawaf dan sa'i secara berasingan untuk dirinya dan kanak-kanak, untuk berhati-hati dalam ibadah. Nabi SAW bersabda: **"Tinggalkan yang meragukanmu**

kepada yang tidak meragukanmu."<sup>1</sup> Namun jika wali berniat tawaf atau sa'i untuk dirinya dan kanak-kanak sekali gus, ia tetap sah menurut pendapat yang terkua, kerana Nabi SAW tidak menyuruh wanita yang bertanya tentang anaknya itu untuk memisahkan tawafnya dan tawaf anaknya. Jika wajib melakukan tawaf dan sa'i secara berasingan, sudah pasti baginda menjelaskannya.

Kanak-kanak mumayyiz perlu menjaga kebersihan daripada najis dan hadas semasa tawaf, seperti orang dewasa juga. Ihram kanak-kanak adalah hanyalah sunat bagi walinya, bukan kewajipan. Jika wali melakukannya, dia mendapat pahala. Jika tidak dilakukan, tidaklah berdosa.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi (2518) dan al-Nasa'i (5711).

## Fasal: Penjelasan Larangan Ihram

Apabila seseorang telah berniat ihram, sama ada lelaki atau wanita, ada beberapa larangan yang mesti dipatuhi:

- o Tidak boleh memotong rambut atau kuku.
- o Tidak boleh memakai minyak wangi, baik pada badan, pakaian, mahupun anggota lain.

Bagi lelaki sahaja, mereka tidak dibenarkan memakai pakaian yang dijahit mengikut bentuk tubuh, sama ada pakaian penuh seperti baju kemeja atau pakaian sebahagian seperti singlet, seluar, stoking, atau kasut yang menutupi bahagian atas kaki.

Kecuali jika dia tidak memiliki Izar (kain bawah), maka dibenarkan untuk memakai seluar panjang. Begitu juga jika tidak menemui selipar, maka dibenarkan untuknya memakai stoking tanpa perlu dipotong, berdasarkan hadis Ibn 'Abbas RA, Nabi SAW bersabda: **"Sesiapa tidak memiliki selipar, maka dia boleh memakai khuf. Sesiapa tidak mempunyai kain, maka dia boleh memakai seluar panjang."**<sup>1</sup>

Berkenaan hadis Ibn Umar RA yang memerintahkan untuk memotong khuf sebelum memakainya apabila tiada selipar sebenarnya telah dimansuhkan.

Pada awalnya, Nabi SAW memberi arahan ini ketika berada di Madinah. Namun dalam khutbah di Arafah, baginda SAW membolehkan memakai khuf tanpa memotongnya jika tidak ada selipar dan baginda tidak mengulangi perintah untuk memotongnya. Hal ini menunjukkan bahawa perintah memotong khuf telah dibatalkan (mansukh). Jika memotongnya masih wajib,

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1841) dan Muslim (1179).



pasti Nabi SAW akan menjelaskannya dalam khutbah tersebut kerana ramai para sahabat di Arafah yang tidak mendengar larangan Nabi SAW ketika di Madinah. Kerana Nabi SAW tidak dibenarkan untuk melewatkan penjelasan dari waktu yang diperlukan, seperti yang diketahui dalam ilmu Usul al-Fiqh dan Usul al-Hadith. Wallahu a'lam.

Lelaki yang berihram dibenarkan memakai kasut atau khuf yang tidak melepasi buku lali kerana ia dianggap sama seperti selipar. Selain itu, dia juga boleh mengikat kain ihramnya menggunakan tali atau seumpamanya, kerana tiada dalil yang melarang perkara ini. Lelaki yang berihram juga boleh mandi, mencuci kepala atau menggaru kepalanya dengan lembut jika perlu. Jika ada rambut yang gugur akibat perbuatan ini, tidak ada masalah kerana ia bukan perbuatan yang disengajakan.

Wanita yang berihram tidak dibenarkan memakai pakaian yang dijahit khusus untuk wajahnya, seperti burqa atau niqab, serta pakaian yang dijahit untuk tangan, seperti sarung tangan (qifaz). Larangan ini berdasarkan sabda Nabi SAW: "**Wanita yang berihram tidak boleh memakai niqab dan tidak boleh memakai sarung tangan.**"<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari. Sarung tangan yang dimaksudkan adalah pakaian yang dijahit atau dianyam mengikut bentuk tangan, sama ada diperbuat daripada kapas, bulu atau bahan lain.

Wanita dibenarkan memakai pakaian lain seperti baju, seluar, kasut, stoking atau seumpamanya.

Selain itu, jika diperlukan, dia boleh menutup wajahnya dengan selendang atau jilbab tanpa menggunakan tali atau pengikat. Jika kain itu menyentuh wajahnya, ia tidak menjadi masalah. Dalil bagi

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1838).

kelonggaran ini ialah hadis Aisyah RA, yang berkata: *"Ketika kami bersama Rasulullah SAW dalam keadaan berihram, jika ada orang lelaki melintasi kami, kami akan memanjangkan jilbab kami dari atas kepala untuk menutup wajah. Apabila mereka telah berlalu, kami membuka kembali penutup wajah kami."*<sup>1</sup> Riwayat Abu Dawud dan Ibn Majah. Al-Daraquthni meriwayatkan hadis yang seerti daripada Ummu Salamah. Wanita juga boleh menutup tapak tangannya dengan kain atau pakaian lain. Tetapi di hadapan lelaki ajnabi, mereka wajib menutup semua itu kerana ia adalah aurat, berdasarkan firman Allah:

(... وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ ...) [النور: ٣١]

*"Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka."*<sup>2</sup> Tidak diragukan bahawa wajah dan tangan adalah perhiasan yang paling menonjol, terutamanya wajah yang menjadi pusat perhatian lelaki. Allah SWT berfirman:

(... وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ ...) [الأحزاب: ٥٣]

*"Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka mintalah dari balik tabir. Cara itu lebih suci bagi hatimu dan hati mereka."*<sup>3</sup>

Berkenaan kebiasaan yang dilakukan oleh sebahagian wanita yang meletakkan pengikat di bawah kain penutup wajah (purdah) untuk menjauhkannya dari wajah, menurut pengetahuan kami, tidak mempunyai asas dalam syariat, Sekiranya perkara ini

<sup>1</sup> Riwayat Abu Dawud (1833), Ibn Majah (2935) dan Imam Ahmad (6/30).

<sup>2</sup> Surah al-Nur: 31.

<sup>3</sup> Surah al-Ahzab: 53.

disyariatkan, Rasulullah SAW pasti akan menjelaskannya kepada umatnya dan tidak akan mendiamkannya. Bagi lelaki dan wanita yang sedang berihram, mereka dibolehkan mencuci pakaian ihram jika terkena kotoran atau najis. Selain itu, mereka juga boleh menukar pakaian ihram dengan yang lain.

Tetapi mereka dilarang memakai pakaian yang terkena wangi-wangian seperti za'faran atau wars (sejenis pewarna kuning), berdasarkan larangan Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA.

Orang yang berihram diwajibkan menjauhi perbuatan seperti hubungan suami isteri, maksiat dan pertengkar. Firman Allah SWT:

﴿الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ ۖ فَمَنْ قَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ...﴾ [البقرة: ١٩٧]

*"Musim haji itu (berlangsung) pada beberapa bulan yang diketahui. Maka sesiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh berkata kotor, berbuat maksiat dan bertengkar dalam (masa mengerjakan) haji."<sup>1</sup>*

Nabi SAW bersabda: **"Sesiapa yang mengerjakan haji, lalu dia tidak berkata kotor dan tidak melakukan maksiat, dia akan kembali seperti hari ibunya melahirkannya (bersih daripada dosa)."**<sup>2</sup> Rafath: Meliputi hubungan suami isteri serta kata-kata dan perbuatan yang tidak senonoh.

Fusūq: Bermaksud segala jenis maksiat.

Jidāl: Bermaksud pertengkar yang sia-sia atau tidak mendatangkan faedah.

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 197.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1521) dan Muslim (1350).

Namun jika pertengkaran dilakukan dengan cara yang baik demi menjelaskan kebenaran dan menolak kebatilan, ia tidak dilarang. Bahkan, ia diperintahkan berdasarkan firman Allah SWT:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ...﴾ [النحل: ١٢٥]

*"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, serta berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik."<sup>1</sup>*

Lelaki yang sedang berihram dilarang menutup kepalanya dengan sebarang penutup yang melekat, seperti songkok, ghutrah, serban, atau yang seumpamanya. Begitu juga tidak boleh menutup wajahnya. Larangan ini berdasarkan sabda Nabi SAW mengenai seorang lelaki yang terjatuh dari tunggangannya pada Hari Arafah, lalu meninggal dunia: **"Mandikanlah dia dengan air dan daun bidara, kapankan dia dengan dua helai kainnya, dan jangan tutup kepalanya dan wajahnya, kerana dia akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan bertalbiah."**<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Namun tidak mengapa bagi lelaki yang berihram untuk berlindung di bawah bumbung kenderaan, payung, atau yang seumpamanya. Begitu juga dibenarkan untuk berlindung di bawah khemah atau pokok. Dalam hadis sahih disebutkan bahawa: **"Nabi SAW berlindung dengan kain ketika melontar Jamrah Aqabah."**

Dan baginda juga:

**"Dipasang khemah untuknya di Namirah, lalu baginda berteduh di bawahnya hingga matahari tergelincir pada hari Arafah."<sup>3</sup>**

---

<sup>1</sup> Surah al-Nahl: 125.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1265) dan Muslim (1206).

<sup>3</sup> Riwayat al-Nasa'i (604).

Diharamkan bagi lelaki dan wanita yang sedang berihram untuk:

- Membunuh binatang buruan darat.
- Membantu memburu atau mengganggu binatang dari tempatnya.
- Melakukan akad nikah.
- Hubungan suami isteri.
- Melamar pasangan.
- Menyentuh pasangan dengan syahwat.

Nabi SAW bersabda: "Orang yang berihram tidak boleh menikah, tidak boleh menikahkan orang lain, dan tidak boleh melamar."<sup>1</sup>

Riwayat Muslim.

Jika seseorang yang berihram:

- Terpakai pakaian berjahit,
- Tertutup kepalanya,
- Terpakai wangian,
- Tercukur rambut,
- Terpotong kuku,

...dalam keadaan lupa atau tidak tahu hukumnya, maka tidak dikenakan denda (dam). Dia hanya perlu segera menghentikan perbuatan tersebut apabila teringat atau mengetahuinya. Ini adalah pandangan yang paling sah.

Diharamkan bagi seorang Muslim, sama ada sedang berihram atau tidak, lelaki atau wanita untuk:

1. Membunuh binatang buruan di Tanah Haram.

---

<sup>1</sup> Riwayat Ahmad (464) dan al-Nasa'i (3275)

2. Membantu membunuh binatang tersebut, sama ada melalui alat, isyarat atau apa sahaja cara.
3. Mengganggu binatang buruan dari tempatnya.
4. Memotong pokok atau rumput hijau di Tanah Haram.
5. Mengutip barang yang terjatuh kecuali dengan tujuan untuk mencari pemiliknya.

Larangan ini berdasarkan sabda Nabi SAW: "**Sesungguhnya kota ini (iaitu Mekah) diharamkan oleh Allah hingga Hari Kiamat. Tidak boleh ditebang pohonnya, tidak boleh diganggu binatang buruannya, tidak boleh dicabut rumputnya yang segar dan barang yang jatuh di Tanah Haram hanya halal untuk orang yang hendak mengumumkannya.**"<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Mina dan Muzdalifah masih dalam batas kawasan Tanah Haram, sementara Arafah dikira luar kawasan Tanah Haram.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (112) dan Muslim (1355).

## **Fasal: Amalan Orang Berhaji Ketika Masuk Mekah dan Penerangan Berkaitan Perkara Yang Dilakukan Apabila Masuk ke Masjidil Haram Antaranya Tawaf dan Kaifiat Berkaitannya**

Apabila seseorang yang berhram tiba di Mekah, disunatkan baginya mandi sebelum memasukinya, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Ketika memasuki Masjidil Haram, disunatkan:

- Mendahulukan kaki kanan.
- Membaca: "Bismillah, waṣ-ṣalātu was-salāmu 'ala Rasūlillāh. A'ūdhu billāhil-'Azīm wa biwajhihil-karīm wa sultānihil-qadīm minasy-syayṭānir-rajīm. Allāhumma iftaḥ lī abwāba raḥmatik."

"Dengan nama Allah, semoga selawat serta salam tercurahkan kepada Rasulullah. Aku berlindung kepada Allah Maha Agung dengan Wajah-Nya yang Mulia dan Kekuasaan-Nya yang azali. Ya Allah, bukakanlah untukku pintu-pintu rahmat-Mu."<sup>1</sup> Doa ini juga disarankan untuk semua masjid lain. Tidak ada zikir khas untuk memasuki Masjidil Haram yang sah daripada Nabi SAW berdasarkan pengetahuanku.

Ketika sampai di Kaabah

- Hentikan talbiah:

Jemaah yang bertalbiah (seperti ketika melaksanakan haji tamattu' atau umrah) hendaklah menghentikannya sebelum memulakan tawaf. Lalu menuju Hajar Aswad, menghadap Hajar

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (713) al-Nasa'i (769), Abu Dawud (465), Ibn Majah (772), Ahmad (5/425) dan al-Darimi (1394).

Aswad, menyentuhnya dengan tangan kanan dan menciumnya jika berpeluang, tetapi tanpa menyakiti orang lain.

Kemudian dia Membaca:

"Bismillah, Allahu Akbar"

atau hanya

"Allahu Akbar."

Jika sukar untuk menciumnya, boleh menyentuhnya dengan tangan, tongkat, atau objek lain, lalu mencium objek itu.

Jika tidak dapat menyentuhnya, cukup dengan memberi isyarat sambil membaca:

"Allahu Akbar"

tanpa mencium apa-apa.

Tawaf hanya sah jika jemaah berada dalam keadaan suci daripada hadas kecil dan besar, kerana tawaf sama seperti solat, bezanya hanya tawaf dibenarkan bercakap.

Ketika bertawaf, Kaabah mestilah berada di sebelah kiri. Disunatkan pada awal tawafnya: "**Allāhumma īmānan bika, wa taṣḍīqan bikitābika, wa wafāan bi'ahdika, wa ittībā'an lisunnati nabiiyyika Muḥammad ṣallallāhu 'alayhi wasallam.**"

**"Ya Allah, kerana aku beriman kepada-Mu, membenarkan Kitab-Mu, memenuhi janji-Mu, mengikuti sunnah Nabi Muhammad ﷺ."** Bacaan ini diriwayatkan daripada Nabi SAW. Tawaf dilakukan sebanyak tujuh pusingan. Disunatkan pada tiga pusingan pertama untuk melakukan raml (berjalan pantas) dengan langkah pendek. Empat pusingan terakhir, berjalan seperti biasa.

Kiraan pusingan dikira bermula dan berakhir di Hajar Aswad.



Raml bermaksud berjalan secara laju dengan langkah yang pendek. Disunatkan untuk melakukan Iḏṭibā‘ sepanjang tawaf ini, tidak disunatkan pada selain tawaf.

Iḏṭibā‘ adalah menyarungkan rida' (kain pakaian atas badan) di atas bahu kiri dan bahagian kanannya diselitkan bawah ketiak kanan.

Jika jemaah ragu bilangan pusingan tawaf, maka dia perlu memilih bilangan yang lebih rendah. Contohnya, jika ragu antara tiga atau empat pusingan, anggaplah ia tiga. Prinsip yang sama berlaku dalam sa’i.

Selepas selesai tawaf, jemaah harus menutup semula bahunya dengan kain ihram sebelum melaksanakan solat dua rakaat tawaf.

Kain ihram hendaklah diletakkan semula seperti biasa, iaitu menutupi kedua-dua bahu dengan hujung kain di dada.

Wanita perlu diingatkan agar tidak melakukan tawaf dengan memakai perhiasan yang berlebihan atau memakai wangian. Mereka juga dilarang berpakaian yang tidak menutup aurat kerana wanita itu aurat dan fitnah. Oleh itu, wajib bagi mereka menutup aurat dan meninggalkan perhiasan ketika bertawaf atau dalam situasi lain yang melibatkan percampuran lelaki dan wanita.

Wajah wanita adalah bahagian paling menonjol daripada kecantikannya. Oleh itu, tidak dibenarkan wanita mendedahkan wajah mereka kecuali kepada mahram. Firman Allah SWT:

(... وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ ...) [النور: ٣١]

*“Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka.”<sup>1</sup>*

---

<sup>1</sup> Surah al-Nur: 31.

Justeru wanita tidak dibenarkan mendedahkan wajah mereka ketika mencium Hajar Aswad jika ada lelaki bukan mahram yang dapat melihat mereka.

Jika wanita tidak dapat mendekati Hajar Aswad tanpa berasak-asak dengan lelaki, maka lebih baik mereka bertawaf dari jauh. Ini lebih baik dan mendapat pahala yang lebih besar daripada memaksakan diri bertawaf terlalu dekat dengan Kaabah sehingga melibatkan percampuran dengan lelaki. Raml dan Iḍṭibā' hanya disyariatkan dalam tawaf ini sahaja. Ia tidak disunatkan dalam sa'i. Ia juga tidak disunatkan kepada wanita. Kerana Nabi SAW hanya melakukan Raml dan Iḍṭibā' pada tawaf pertama ini sahaja ketika tiba di Mekah. Dalam tawaf, seseorang wajib menjaga kesucian diri daripada hadas dan najis, dalam keadaan tunduk dan berasa rendah diri kepada Allah.

Disunatkan untuk memperbanyakkan zikir kepada Allah, doa dan membaca al-Quran semasa bertawaf, tetapi tidak diwajibkan. Dalam tawaf dan sa'i, tidak ada bacaan zikir atau doa tertentu yang diwajibkan untuk dibaca.

Perbuatan baru yang dilakukan sebahagian orang dengan menetapkan bacaan zikir atau doa tertentu untuk setiap pusingan tawaf atau sa'i tidak mempunyai asas dalam syariat. Sebarang zikir atau doa yang mudah dilakukan sudah mencukupi.

Cuma apabila dia melewati Rukun Yamani, disunatkan untuk menyentuhnya

dengan tangan kanan sambil membaca:

"Bismillah, Allahu Akbar."

Tetapi tidak disyariatkan mencium Rukun Yamani. Jika sukar menyentuhnya, teruskan tawaf tanpa memberi isyarat atau bertakbir kerana tiada dalil mengenainya.

Antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad, disunatkan membaca doa:

﴿... رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾ [البقرة: ٢٠١]

*"Rabbana atina fid-dunya hasanah wa fil-akhirati hasanah wa qina 'azab an-nar."*

*"Wahai Tuhan kami, berikanlah kebaikan buat kami di dunia, dan kebaikan buat kami di akhirat, serta lindungilah kami daripada azab neraka."*<sup>1</sup> Setiap kali melewati Hajar Aswad, disunatkan menyentuh dan menciumnya sambil membaca:

"Allahu Akbar."

Jika tidak mampu menyentuh dan menciumnya, cukup dengan memberi isyarat dengan tangan dan bertakbir.

Dibolehkan untuk bertawaf di luar kawasan telaga Zamzam dan Maqam Ibrahim, terutamanya jika keadaan sesak. Seluruh kawasan Masjidil Haram sah untuk bertawaf. Namun bertawaf berhampiran Kaabah lebih afdal jika keadaan mengizinkan.

Setelah selesai tawaf, disunatkan untuk melakukan solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim jika keadaan mengizinkan. Jika tidak dapat kerana sesak atau sebab lain, solat boleh dilakukan di mana-mana bahagian masjid. Disunatkan untuk membaca selepas Al-Fatihah dalam rakaat pertama:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ﴾ [الكافرون: ١]

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 201.

*Surah al-Kafirun*,<sup>1</sup> dan dalam rakaat kedua surah al-Ikhlâs.

Ini adalah praktis yang terbaik, tetapi jika dibaca selain dari surah-surah tersebut, itu juga tidak mengapa.

Kemudian, pergi ke Hajar Aswad dan sentuh dengan tangan kanan jika keadaan mengizinkan, sebagai mengikuti sunnah Nabi SAW.

Selepas itu, keluar menuju ke bukit Safa melalui pintu yang ada dan naiklah ke atasnya atau berdiri di sisinya. Mendaki ke atas bukit Safa adalah lebih afdal jika keadaan mengizinkan. Apabila memulakan sa'i dari Safa, bacalah firman Allah:

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن شَعَائِرِ اللَّهِ...﴾ [البقرة: ﴿٥٥﴾]

*"Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syiar Allah."*<sup>2</sup>

Disunatkan untuk menghadap ke arah kiblat di Safa, lalu memuji Allah, bertakbir, dan menyebut: "Tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada Tuhan selain Allah, Dia Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan dan segala puji, Dia yang menghidupkan dan mematikan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, tiada Tuhan selain Allah, Dia yang menepati janji-Nya, menolong hamba-Nya, dan mengalahkan tentera yang berkumpul sendirian."<sup>3</sup> Kemudian berdoalah dengan apa yang mudah, sambil mengangkat tangan, dan ulangi bacaan dan doa ini tiga kali. Setelah itu, teruskan berjalan menuju ke Marwah sehingga sampai di tanda pertama (lampu hijau), di situ disunatkan untuk lelaki berjalan dengan cepat antara dua

---

<sup>1</sup> Surah al-Kafirun: 1-6.

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah: 158.

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari (1785) dan Muslim (1218).

tanda (lampu hijau) tersebut. Bagi wanita, tidak disunatkan berlari antara dua tanda itu kerana mereka adalah aurat, maka bagi mereka cukup dengan berjalan perlahan sepanjang sa'i.

Kemudian, naiklah ke Marwah atau berdirilah di sana, dan disunatkan untuk mendaki ke atas Marwah jika tiada halangan. Lakukan seperti apa yang dilakukan di Safa, kecuali tidak perlu baca:

{\* إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ ... } [البقرة: ١٥٨]

*"Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syiar Allah."*<sup>1</sup> Bacaan ini hanya disunatkan ketika mendaki Safa dalam pusingan pertama, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi SAW. Kemudian, turunlah dan berjalanlah ke tempat yang disunatkan untuk berjalan, dan berlari di tempat yang disunatkan berlari sehingga sampai ke Safa.

Lakukan ini sebanyak tujuh kali, pergi satu pusingan dan kembali satu pusingan, kerana Nabi SAW telah melakukannya dan berkata: **"Ambillah dari aku cara-cara ibadahnya."**<sup>2</sup> Disunatkan untuk banyak berzikir dan berdoa sepanjang sa'i dengan apa yang mudah. Hendaklah ia dalam keadaan suci dari hadas besar dan kecil. Jika seseorang itu tidak suci, tetap sah sa'i mereka. Begitu juga bagi wanita yang haid atau nifas selepas tawaf, mereka boleh melakukan sa'i dan tetap sah, kerana kesucian tidak menjadi syarat dalam sa'i, ia hanya disunatkan.

Apabila selesai sa'i, lelaki disunatkan untuk mencukur rambutnya atau memendekkannya. Cukur kepala adalah lebih utama bagi lelaki, namun jika dia memilih untuk memendekkan

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 158.

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1297).

rambutnya untuk bercukur pada hari haji, itu juga baik. Jika kedatangan seseorang ke Mekah berdekatan dengan waktu haji, maka memendekkan rambut adalah lebih baik baginya, supaya dia boleh mencukur rambutnya pada hari haji. Ini kerana Nabi SAW ketika tiba di Mekah bersama para sahabat pada hari keempat Zulhijjah, baginda memerintahkan mereka yang tidak membawa haiwan korban untuk bertahalul (mencukur atau memendekkan rambut), namun baginda tidak memerintahkan mereka untuk mencukur seluruh kepala. Dalam memendekkan rambut, seluruh kepala perlu dipendekkan, dan tidak cukup dengan memendekkan sebahagiannya. Begitu juga, mencukur sebahagian rambut tidak cukup. Bagi wanita, hanya mereka hanya disunatkan untuk memendekkan rambut, iaitu dengan memotong setiap bahagian rambut sebanyak kadar panjang satu jari atau kurang. Kadar satu jari adalah hujung ruas jari sahaja. Wanita tidak perlu memotong lebih dari itu.

Apabila seseorang yang sedang berihram selesai melakukan apa yang telah disebutkan, maka umrahnya telah sempurna. Dia dibenarkan untuk melakukan segala perkara yang diharamkan semasa ihram.

Kecuali jika dia membawa haiwan korban dari luar Tanah Haram, maka dia tetap berada dalam keadaan ihram sehingga dia selesai dari haji dan umrah secara keseluruhan.

Adapun bagi seseorang yang memulakan ihram hanya untuk haji (haji ifrad), atau haji dan umrah sekaligus (haji qiran), disunatkan untuk dia menukarkan ihramnya menjadi ihram umrah sahaja, kemudian melaksanakan amalan haji tamattu'.

Kecuali jika dia membawa haiwan korban haji, maka dia digalakkan untuk meneruskan haji qirannya. Nabi SAW pernah memerintahkan para sahabatnya untuk melakukan sedemikian, baginda bersabda: "**Sekiranya bukan kerana saya membawa haiwan korban, sudah pasti saya akan bertahalul bersama kalian.**"<sup>1</sup>

Jika seorang wanita mengalami haid atau nifas selepas berihramnya untuk umrah, dia tidak dibenarkan melakukan tawaf di Kaabah atau sa'i di antara Safa dan Marwah sehinggalah dia suci. Setelah suci, barulah dia melakukan tawaf, sa'i dan memendekkan rambutnya. Dengan itu, umrahnya menjadi sempurna. Sekiranya dia tidak suci sehingga hari Tarwiyah (8 Zulhijjah), dia hendaklah berniat ihram untuk haji dari tempatnya berada, kemudian keluar bersama jemaah haji menuju Mina. Dalam keadaan ini, dia dikira melakukan haji qiran (menggabungkan haji dan umrah), dan dia perlu melakukan semua amalan haji seperti:

- Wukuf di Arafah,
- Bermalam di Muzdalifah,
- Melontar jamrah,
- Bermalam di Mina,
- Menyembelih haiwan korban,
- Memendekkan rambut. Apabila dia telah suci, barulah dia melakukan tawaf di Kaabah dan sa'i di antara Safa dan Marwah sekali sahaja. Tawaf dan sa'i ini mencukupi untuk haji dan umrahnya sekaligus, sebagaimana yang disebut dalam

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1651) dan Imam Ahmad (12039).

hadis Aisyah RA, bahawa Aisyah mengalami haid selepas ihramnya untuk umrah, lalu Nabi SAW bersabda kepadanya: "Lakukanlah semua amalan haji seperti yang dilakukan oleh jemaah haji lain, kecuali janganlah engkau tawaf di Kaabah sehingga engkau suci."<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Jika wanita haid atau nifas telah melontar jamrah pada hari Nahr (10 Zulhijjah) dan memendekkan rambutnya, dia dihalalkan semua perkara yang diharamkan semasa ihramnya, seperti memakai wangian dan seumpamanya, kecuali hubungan suami isteri. Hubungan suami isteri hanya dihalalkan selepas dia menyempurnakan hajinya dengan bertawaf dan sa'i.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1650) dan Muslim (1211).



## **Fasal: Hukum Ihram Haji pada Hari Ke-8 Zulhijjah dan Pergi ke Mina**

Apabila tiba hari Tarwiyah, iaitu hari 8 Zulhijjah, disunatkan bagi mereka yang telah bertahallul di Mekah dan ingin menunaikan haji, untuk berniat ihram dari kediaman masing-masing. Ini berdasarkan perbuatan para sahabat Nabi SAW yang tinggal di al-Abtah dan berniat ihram untuk haji dari situ pada hari Tarwiyah atas perintah baginda SAW. Nabi SAW tidak memerintahkan mereka untuk pergi ke Kaabah dan berniat ihram di sana atau di bawah pancuran Kaabah (mizab), Begitu juga baginda tidak menyuruh mereka melakukan Tawaf Wada' ketika keluar menuju Mina. Sekiranya perkara tersebut disyariatkan, pasti baginda akan mengajarkan mereka mengenainya. Segala kebaikan adalah dalam mengikuti Nabi SAW dan para sahabat RA.

Disunatkan bagi mereka untuk mandi, membersihkan diri dan memakai wangian semasa berniat ihram untuk haji, seperti yang dilakukan ketika ihram dari miqat. Setelah berniat ihram untuk haji, disunatkan mereka menuju ke Mina sebelum atau selepas waktu Zohor pada hari Tarwiyah.

Sepanjang perjalanan, mereka digalakkan memperbanyakkan talbiyah sehingga mereka melontar Jamrah Aqabah. Di Mina, mereka menunaikan solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak, dan Subuh. Mengikut sunnah, setiap solat dilakukan pada waktunya secara qasar tanpa jama', kecuali solat Maghrib dan Subuh yang tidak diqasarkan.

Tiada perbezaan hukum antara penduduk Mekah dan selain mereka kerana Nabi SAW mengimami solat di Mina, Arafah dan Muzdalifah untuk penduduk Mekah dan jemaah haji yang lain dengan solat qasar. Baginda tidak memerintahkan penduduk Mekah

untuk menyempurnakan solat. Sekiranya menyempurnakan solat wajib bagi mereka, pasti baginda akan menjelaskannya.

Kemudian, selepas terbit matahari pada hari Arafah, para jemaah haji hendaklah bergerak dari Mina menuju Arafah. Disunatkan mereka singgah di Namirah sebelum Zohor, jika perkara itu dapat dilakukan, kerana demikianlah yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Apabila matahari tergelincir (masuk waktu Zohor), disunatkan bagi imam atau wakilnya untuk menyampaikan khutbah kepada jemaah yang sesuai dengan keadaan. Dalam khutbah tersebut, hendaklah dijelaskan perkara-perkara yang disyariatkan kepada jemaah haji pada hari itu dan hari-hari berikutnya.

Imam hendaklah mengingatkan mereka untuk bertakwa kepada Allah, mentauhidkan-Nya, dan mengikhhlaskan segala amalan kepada-Nya. Dia juga perlu mengingatkan mereka agar menjauhi perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah, serta menasihati mereka supaya berpegang teguh kepada kitab Allah dan sunnah Nabi-Nya SAW, berhukum dengan keduanya, dan merujuk kepada keduanya dalam segala urusan, sebagaimana Nabi SAW melakukannya.

Setelah khutbah, jemaah menunaikan solat Zuhur dan Asar secara qasar dan jama' taqdim, dengan satu azan dan dua iqamah, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi SAW. Riwayat Muslim, daripada Jabir RA.

Kemudian, jemaah berdiri di Arafah dan seluruh kawasan Arafah adalah tempat wukuf kecuali lembah Uranah. Disunatkan bagi jemaah menghadap ke arah kiblat dan Jabal [Rahmah], jika perkara itu mudah dilakukan. Jika tidak dapat menghadap kedua-duanya, cukup dengan menghadap kiblat

walaupun tidak menghadap Jabal [Rahmah]. Di tempat wukuf ini, disunatkan bagi jemaah haji untuk bersungguh-sungguh mengingati Allah SWT, berdoa, dan merendahkan diri kepada-Nya. Mereka juga digalakkan mengangkat tangan ketika berdoa. Jika mereka bertalbiyah atau membaca ayat-ayat Al-Quran, itu adalah sesuatu yang baik.

Disunatkan juga memperbanyakkan bacaan zikir berikut:

"Tiada Tuhan melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan, bagi-Nya segala pujian, Dia yang menghidupkan dan mematikan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu."

Amalan ini berdasarkan sabda Nabi SAW: **"Sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah, dan sebaik-baik ucapan yang aku dan para nabi sebelumku pernah ucapkan ialah: Tiada Tuhan melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan, bagi-Nya segala pujian, Dia yang menghidupkan dan mematikan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu."**<sup>1</sup> Nabi SAW juga bersabda dalam sebuah hadis sahih: **"Ucapan yang paling dicintai Allah ialah empat: Subhanallah, Alhamdulillah, La ilaha illa Allah, dan Allahu Akbar."**<sup>2</sup>

Oleh itu, disyariatkan untuk memperbanyakkan zikir ini dan mengulanginya dengan khusyuk serta kehadiran hati. Sewajarnya seseorang memperbanyakkan zikir dan doa yang diajarkan dalam syariat pada setiap waktu, terutama di tempat ini dan pada hari yang agung ini. Pilihlah doa dan zikir yang ringkas tetapi penuh makna.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi (3585).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (2137).

Antara zikir dan doa tersebut:

1. Maha Suci Allah dengan segala pujian-Nya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung, Tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim.

2. Tiada Tuhan melainkan Allah, kami tidak menyembah melainkan kepada-Nya, bagi-Nya segala nikmat, keutamaan dan pujian yang baik. Tiada Tuhan melainkan Allah, dengan penuh keikhlasan dalam agama, walaupun orang-orang kafir membencinya.

3. Tiada daya dan tiada kekuatan kecuali dengan bantuan Allah.

4. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta lindungilah kami daripada azab neraka.

5. Ya Allah, perbaikilah agamaku yang menjadi pelindung diriku, perbaikilah duniaku yang menjadi tempat kehidupanku, dan perbaikilah akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah kehidupan ini sebagai tambahan bagiku dalam setiap kebaikan, dan jadikanlah kematian sebagai istirahat bagiku daripada setiap keburukan.

6. Aku berlindung kepada Allah daripada bala yang berat, kesengsaraan yang berterusan, ketentuan yang buruk dan kegembiraan musuh.

7. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kesedihan dan dukacita, kelemahan dan kemalasan, sifat pengecut dan kedekut, serta dari beban hutang dan tekanan manusia.

8. Ya Allah, aku memohon keampunan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

9. Ya Allah, aku memohon keampunan dan keselamatan dalam agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku.

10. Ya Allah, tutuplah aibku dan tenangkanlah kegelisahanku. Lindungilah aku dari arah depan dan belakangku, dari arah kananku dan kiriku, serta dari atas kepalaku. Aku berlindung dengan keagungan-Mu daripada diserang dari bawahku.

11. Ya Allah, ampunkanlah kesalahanku, kejahilanku, dan keterlebihanku dalam urusanku, serta apa yang Engkau lebih mengetahui tentangnya daripadaku.

12. Ya Allah, ampunkanlah kesungguhanku, gurauanku, kesilapanku dan perbuatanku yang disengajakan, semuanya itu ada padaku.

13. Ya Allah, ampunkanlah apa yang telah aku lakukan dan yang akan datang, apa yang aku sembunyikan dan yang aku nyatakan, serta apa yang Engkau lebih mengetahui daripadaku. Engkau-lah yang mendahulukan dan yang mengakhirkan, dan Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

14. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu keteguhan dalam urusan ini, kesungguhan dalam kebenaran, kesyukuran atas nikmat-Mu, dan ibadah yang baik. Aku memohon hati yang bersih, lidah yang jujur, dan kebaikan dari apa yang Engkau ketahui. Aku berlindung kepada-Mu daripada keburukan apa yang Engkau ketahui, dan aku memohon keampunan kepada-Mu atas apa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui segala yang ghaib.

15. Ya Allah, Tuhan Nabi Muhammad ﷺ, ampunkanlah dosaku, hilangkanlah kemarahan dari hatiku, dan lindungilah aku daripada fitnah-fitnah yang menyesatkan selama Engkau membiarkan aku hidup.

16. Ya Allah, Tuhan langit dan bumi, Tuhan Arasy yang agung, Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, Pencipta biji benih dan inti pati, yang menurunkan Taurat, Injil, dan al-Quran. Engkau Yang Awal, tiada apa-apa sebelum-Mu, Engkau Yang Akhir, tiada apa-apa selepas-Mu, Engkau Yang Zahir, tiada sesuatu di atas-Mu, Engkau Yang Batin, tiada sesuatu di bawah-Mu. Lunaskanlah hutangku dan kayakanlah aku daripada kemiskinan.

17. Ya Allah, berikanlah kepada jiwaku ketakwaannya, sucikanlah ia kerana Engkau sebaik-baik yang menyucikannya. Engkaulah pelindung dan pemiliknya. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, dari pengecut, ketuaan, dan sifat kikir. Aku juga berlindung kepada-Mu daripada azab kubur.

18. Ya Allah, kepada-Mu aku berserah diri, kepada-Mu aku beriman, kepada-Mu aku bertawakal, kepada-Mu aku bertaubat, kepada-Mu aku berdebat. Aku berlindung kepada keagungan-Mu daripada disesatkan. Tiada Tuhan selain Engkau. Engkaulah yang hidup kekal, sementara jin dan manusia akan mati.

19. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khusyuk, jiwa yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak dimakbulkan.

20. Ya Allah, jauhkanlah aku dari akhlak buruk, perbuatan buruk, hawa nafsu yang sesat, dan penyakit yang memudaratkan.

21. Ya Allah, ilhamkanlah kepadaku jalan petunjukku, dan lindungilah aku dari keburukan diriku sendiri.

22. Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki halal-Mu daripada yang haram, dan kayakanlah aku dengan kurnia-Mu daripada bergantung kepada selain-Mu.

23. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, kesucian diri, dan kecukupan.

24. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu petunjuk dan ketepatan.

25. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu segala kebaikan, baik yang segera mahupun yang tertunda, apa yang aku ketahui daripadanya dan apa yang tidak aku ketahui. Aku berlindung kepada-Mu daripada segala keburukan, baik yang segera mahupun yang tertunda, apa yang aku ketahui daripadanya dan apa yang tidak aku ketahui. Aku memohon kepada-Mu kebaikan sebagaimana yang dimohon oleh hamba dan Nabi-Mu, Muhammad SAW, dan aku berlindung kepada-Mu daripada keburukan sebagaimana yang dimintakan perlindungan oleh hamba dan Nabi-Mu, Muhammad SAW.

26. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu syurga dan segala yang dapat mendekatkanku kepadanya, sama ada melalui perkataan atau perbuatan. Aku berlindung kepada-Mu daripada neraka dan segala yang dapat mendekatkanku kepadanya, sama ada melalui perkataan atau perbuatan. Aku memohon kepada-Mu agar setiap ketentuan yang Engkau tetapkan untukku menjadi kebaikan.

27. Tiada Tuhan selain Allah, satu-satunya, tiada sekutu bagi-Nya. Milik-Nya segala kerajaan dan segala pujian. Dia yang menghidupkan dan mematikan. Dalam genggamannya segala kebaikan, dan Dia berkuasa atas segala sesuatu. Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, dan tiada daya serta upaya melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

28. Ya Allah, limpahkanlah selawat kepada Nabi Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan selawat kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau

Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Limpahkanlah keberkatan kepada Nabi Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

﴿... رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾ [البقرة: ٢١]

*"Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia, dan kebaikan di akhirat, serta lindungilah kami daripada azab neraka."<sup>1</sup>*

Disunatkan bagi para jemaah haji untuk memperbanyakkan bacaan zikir, doa, dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW di tempat yang agung ini. Mereka juga dianjurkan untuk mengulang-ulang zikir dan doa yang telah disebutkan serta doa-doa yang serupa.

Hendaklah mereka bersungguh-sungguh dalam berdoa, memohon kebaikan dunia dan akhirat. Nabi SAW apabila berdoa, baginda mengulanginya sebanyak tiga kali. Maka sewajarnya kita mengikuti sunnah baginda dengan mengamalkan hal yang sama.

Seorang Muslim dalam situasi berwukuf ini hendaklah bersikap khusyuk kepada Rabbnya, Allah SWT, dengan penuh tawaduk, tunduk kepada keagungan-Nya, dan merendahkan diri di hadapan-Nya. Dia memohon rahmat dan keampunan-Nya, serta merasa takut akan azab dan kemurkaan-Nya.

Dia juga perlu bermuhasabah dan memperbaharui taubatnya dengan taubat nasuha. Hal ini kerana hari tersebut adalah hari yang agung dan merupakan perhimpunan yang besar, di mana Allah melimpahkan kurnia-Nya kepada hamba-hamba-Nya, membanggakan mereka di hadapan para

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 201.



malaikat-Nya, membebaskan ramai daripada api neraka, dan memperlihatkan rahmat-Nya. Pada hari ini, syaitan dilihat dalam keadaan yang paling terhina, terendah dan paling kecil melainkan pada hari peperangan Badar. Ini disebabkan dia menyaksikan kemurahan Allah kepada hamba-hamba-Nya, kebaikan-Nya kepada mereka, serta betapa banyaknya mereka yang dibebaskan dari neraka dan diampuni.

Dalam Sahih Muslim, daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada hari yang lebih banyak Allah membebaskan seorang hamba daripada neraka selain pada hari Arafah. Sesungguhnya Allah mendekati mereka, lalu membanggakan mereka di hadapan para malaikat-Nya seraya berfirman: Apa yang mereka inginkan ini?"<sup>1</sup>

Oleh itu, kaum Muslimin disyorkan memperlihatkan kebaikan diri mereka kepada Allah, mempermalukan musuh mereka, iaitu syaitan dan membuatnya bersedih dengan memperbanyak zikir, doa, serta istiqamah dalam bertaubat dan beristighfar daripada segala dosa. Para jemaah haji juga disarankan terus sibuk berzikir, berdoa, dan merendahkan diri sehingga terbenam matahari. Apabila matahari terbenam, mereka hendaklah berangkat ke Muzdalifah dengan penuh ketenangan dan kesopanan, memperbanyak talbiah, serta berjalan cepat di tempat yang lapang, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Tidak dibenarkan berangkat sebelum matahari terbenam kerana Rasulullah SAW berdiri hingga matahari terbenam dan bersabda: "Ambillah daripadaku manasik (tatacara) haji kamu."<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (1348).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1297).

Apabila tiba di Muzdalifah, mereka hendaklah menunaikan solat Maghrib tiga rakaat dan solat Isyak dua rakaat secara jamak dengan satu azan dan dua iqamah, sejourus tiba di sana, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, sama ada mereka tiba pada waktu Maghrib atau selepas masuk waktu Isyak.

Kebiasaan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat awam, iaitu memungut batu untuk melontar jamrah sebaik sahaja tiba di Muzdalifah sebelum solat, serta kepercayaan bahawa amalan tersebut adalah sunnah, adalah kesalahan yang tiada dasarnya. Rasulullah SAW tidak memerintahkan memungut batu kecuali selepas berangkat dari al-Masy'ar al-Haram ke Mina. Batu boleh dipungut dari mana-mana tempat dan tidak wajib memungutnya di Muzdalifah. Bahkan, dibolehkan memungut batu di Mina. Sunnahnya adalah memungut tujuh batu pada hari tersebut untuk melontar Jamrah Aqabah, mengikut contoh Rasulullah SAW. Sementara pada tiga hari berikutnya, batu dipungut di Mina sebanyak 21 batu setiap hari untuk melontar tiga jamrah.

Tidak disyariatkan mencuci batu untuk melontar, sebaliknya batu tersebut dilontarkan tanpa dicuci. Ini kerana tidak ada riwayat yang menyebut Rasulullah SAW dan para sahabatnya melakukan hal tersebut. Selain itu, tidak boleh menggunakan batu yang sudah pernah digunakan untuk melontar.

Pada malam tersebut, jemaah haji disyariatkan bermalam di Muzdalifah. Namun, bagi mereka yang lemah seperti wanita, kanak-kanak, dan orang-orang seumpamanya, mereka dibenarkan berangkat ke Mina pada akhir malam, berdasarkan hadis daripada Aisyah RA dan Ummu Salamah RA serta riwayat lainnya. Sementara itu, bagi jemaah haji selain mereka, sangat dianjurkan untuk tetap berada di Muzdalifah sehingga

menunaikan solat Subuh, kemudian berdiri di al-Masy'ar al-Haram menghadap kiblat sambil memperbanyak zikir kepada Allah, bertakbir, dan berdoa hingga waktu pagi menjadi terang. Disunnahkan mengangkat tangan ketika berdoa di tempat ini. Walau bagaimanapun, di mana sahaja mereka berdiri di Muzdalifah, ia sudah mencukupi. Tidak diwajibkan untuk berada dekat dengan al-Masy'ar al-Haram atau mendakinya. Rasulullah SAW bersabda: "**Aku berdiri di sini (yakni di al-Masy'ar al-Haram), dan seluruh kawasan Muzdalifah adalah tempat untuk wukuf.**"<sup>1</sup> Riwayat Muslim dalam Sahihnya.

Apabila waktu pagi menjadi terang, mereka berangkat ke Mina sebelum matahari terbit, memperbanyak talbiah sepanjang perjalanan. Apabila mereka tiba di kawasan Muhassir, disunnahkan untuk mempercepatkan sedikit perjalanan.

Setibanya di Mina, mereka hendaklah menghentikan talbiah di Jamrah Aqabah, lalu melontar Jamrah tersebut dengan tujuh batu secara berturut-turut. Ketika melontar setiap batu, disunnahkan mengangkat tangan dan bertakbir. Sebaiknya, batu dilontar dari bahagian lembah dengan posisi Kaabah berada di sebelah kiri dan Mina di sebelah kanan, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Namun, jika melontar dari arah lain, ia tetap sah selama batu jatuh ke dalam kawasan yang ditetapkan.

Tidak disyaratkan batu tersebut kekal berada di kawasan melontar. Selama batu tersebut jatuh ke dalam marma walaupun ia keluar semula, lontaran tersebut dianggap sah menurut pandangan ulama. Hal ini ditegaskan oleh Imam al-Nawawi dalam Syarh al-Muhadhdhab, dan selain beliau. Batu yang digunakan

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (1218).

untuk melontar lebih kurang sama dengan batu untuk membaling iaitu bersaiz besar sedikit daripada biji kacang kuda.

Selepas melontar Jamrah Aqabah, jemaah haji hendaklah menyembelih binatang korban. Disunnahkan ketika menyembelih untuk mengucapkan: "Bismillah, Allahu Akbar. Ya Allah, ini daripada-Mu dan untuk-Mu."<sup>1</sup> Binatang tersebut diarahkan ke arah kiblat. Sunnahnya, unta disembelih dalam keadaan berdiri dengan kaki kiri depannya diikat. Bagi lembu dan kambing, ia disembelih dalam keadaan berbaring di sisi kiri. Jika sembelihan tidak diarahkan ke kiblat, maka ia hanya meninggalkan sunnah, tetapi sembelihan itu tetap sah kerana menghadap kiblat adalah sunnah, bukan wajib.

Disunnahkan juga memakan sebahagian daging korban, menghadihkan sebahagian, dan menyedekahkannya, sebagaimana firman Allah:

(... فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾ [الحج: ٢٨])

*"Maka makanlah sebahagian daripadanya dan berilah makan kepada orang yang sengsara lagi fakir."*<sup>2</sup> Waktu penyembelihan berlangsung hingga terbenam matahari pada hari ketiga daripada hari-hari tasyrik, iaitu selama empat hari: Hari Nahar (10 Zulhijjah) dan tiga hari selepasnya, menurut pandangan yang paling sahih daripada ulama.

Selepas menyembelih, jemaah haji hendaklah mencukur rambut atau memendekkannya, dan mencukur lebih utama. Ini kerana Rasulullah SAW mendoakan rahmat dan keampunan

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi (1521), Abu Dawud (2795), Ibn Majah (3121), Musnad Ahmad (3/356) dan Sunan al-Darimi (1946).

<sup>2</sup> Surah al-Hajj: 28.

bagi mereka yang mencukur sebanyak tiga kali, sedangkan bagi yang memendekkan, hanya sekali. Memendekkan rambut mesti dilakukan pada seluruh kepala, tidak cukup sebahagian sahaja. Bagi wanita, disyariatkan memotong sedikit daripada setiap tocang, sekadar satu ruas jari atau kurang.

Selepas melontar Jamrah Aqabah dan mencukur atau memendekkan rambut, jemaah haji diharuskan melakukan semua perkara yang dilarang semasa ihram, kecuali bersetubuh dengan isteri. Keadaan ini disebut tahallul awal. Disunnahkan juga memakai wangi-wangian selepas tahallul awal dan menuju ke Mekah untuk melakukan Tawaf Ifadah.

Daripada Aisyah RA, beliau berkata: **"Aku memakaikan wangi-wangian kepada Rasulullah SAW untuk ihramnya sebelum baginda berihram, dan untuk tahallulnya sebelum baginda tawaf di Baitullah."**<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Tawaf ini dikenali sebagai Tawaf Ifadah atau Tawaf Ziarah. Ia adalah salah satu rukun haji yang tidak sah haji tanpanya, sebagaimana disebut dalam firman Allah:

﴿ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ﴾ [الحج: ٢٩]

*"Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kotoran yang ada pada badan mereka, menunaikan nazar mereka, dan mengelilingi Baitullah yang tua itu (Kaabah)."*<sup>2</sup>

Selepas tawaf dan menunaikan dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim, jika seseorang itu melaksanakan haji Tamattu', dia

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1539) dan Muslim (1189).

<sup>2</sup> Surah al-Hajj: 29.

hendaklah melakukan sa'i di antara Safa dan Marwah. Sa'i ini adalah untuk hajinya, manakala sa'i sebelumnya adalah untuk umrahnya.

Tidak memadai bagi seseorang yang melakukan haji tamattu' untuk melakukan satu kali sa'i sahaja, menurut pandangan yang paling sahih dalam kalangan ulama. Ini berdasarkan hadis Aisyah RA yang berkata:

"Kami pernah keluar bersama Rasulullah SAW,..." sehingga akhir hadis, di dalamnya Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang membawa binatang korban, hendaklah dia berihram dengan haji bersama umrah, kemudian janganlah dia bertahallul sehingga dia menyelesaikan kedua-duanya sekali."<sup>1</sup> Aisyah berkata: "Maka mereka yang berihram untuk umrah bertawaf di Kaabah dan bersa'i di antara Safa dan Marwah, kemudian mereka bertahallul [kali pertama]. Kemudian, mereka melakukan tawaf sekali lagi selepas kembali dari Mina untuk hajinya."<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Perkataan Aisyah RA mengenai mereka yang berihram dengan umrah, iaitu "kemudian mereka bertawaf sekali lagi selepas kembali dari Mina untuk hajinya," merujuk kepada sa'i di antara Safa dan Marwah bagi melengkapkan haji tamattu'. Pandangan ini adalah yang lebih sahih dalam memahami hadis tersebut. Berkenaan pandangan yang mengatakan ia merujuk kepada Tawaf Ifadah, ia kurang tepat, kerana Tawaf Ifadah adalah rukun yang wajib dilakukan oleh semua jemaah haji, termasuk mereka yang tamattu', dan ia telah pun dilaksanakan. Ini adalah pendirian majoriti ulama. Pandangan ini juga disokong oleh riwayat Ibn Abbas RA dalam Sahih al-Bukhari, di mana beliau berkata: "*Para Muhajirin,*

---

<sup>1</sup> Sahih al-Bukhari (1556) dan Sahih Muslim (1611).

<sup>2</sup> Sahih al-Bukhari (1638) dan Sahih Muslim (1211).

*Ansar, dan isteri-isteri Nabi SAW berhram bersama Rasulullah SAW dalam Haji Wada'. Ketika kami tiba di Mekah, baginda bersabda: "Jadikanlah ihram kamu untuk haji sebagai ihram untuk umrah, kecuali orang yang membawa binatang korban."*

*Maka kami bertawaf di Kaabah dan bersa'i di antara Safa dan Marwah, kemudian kami bertahallul, memakai pakaian biasa, dan mendekati isteri-isteri kami. Nabi SAW kemudian memerintahkan kami untuk berhram kembali dengan niat haji pada malam Tarwiyah. Selepas menyelesaikan manasik, kami melakukan tawaf di Kaabah dan bersa'i antara Safa dan Marwah."<sup>12</sup>* Hadis ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang melakukan haji tamattu' melakukan sa'i sebanyak dua kali: satu untuk umrah dan satu lagi untuk haji selepas kembali dari Mina.

Berkenaan hadis dalam Sahih Muslim daripada Jabir RA yang menyebutkan bahawa Nabi SAW dan para sahabat hanya melakukan satu kali sa'i di antara Safa dan Marwah, ia hanya berlaku bagi mereka yang membawa binatang korban. Ini kerana mereka tetap dalam ihram bersama Nabi SAW sehingga bertahallul daripada haji dan umrah secara serentak. Baginda SAW telah berniat ihram untuk haji dan umrah sekaligus dan memerintahkan mereka yang membawa binatang korban untuk berniat ihram haji bersama umrah, serta tidak bertahallul sehingga selesai kedua-duanya. Bagi mereka yang melakukan qiran antara haji dan umrah serentak, mereka hanya perlu satu kali sa'i sahaja, sebagaimana yang ditunjukkan oleh hadis Jabir tersebut dan beberapa hadis sahih lainnya.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari secara ta'liq.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari secara ta'liq.

Begitu juga bagi mereka yang berniat ihram untuk haji sahaja (ifrad) dan kekal dalam ihram sehingga Hari Nahar, mereka hanya perlu satu kali sa'i. Jika mereka melakukan sa'i selepas Tawaf Qudum, ia mencukupi untuk menggantikan sa'i selepas Tawaf Ifadah. Inilah cara untuk menggabungkan antara hadis Aisyah, Ibn 'Abbas, dan Jabir RA. Dengan ini, tiada lagi percanggahan, dan semua hadis dapat diamalkan.

Tambahan pula, hadis Aisyah dan Ibn 'Abbas adalah sahih dan menetapkan sa'i kedua bagi mereka yang melakukan tamattu'. Sedangkan, zahir hadis Jabir menafikannya. Dalam kaedah ilmu usul dan mustalah hadis, perkara yang menetapkan adalah lebih diutamakan berbanding yang menafikan. Allah SWT adalah Pemberi Taufik kepada kebenaran. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan-Nya.



## Fasal: Praktis Terbaik Bagi Jemaah Haji Pada Hari Sembelihan

Yang terbaik bagi jemaah haji untuk menyusun empat amalan pada Hari Nahr mengikut urutan seperti berikut: pertama, melontar Jamrah Aqabah; kedua, menyembelih korban; ketiga, bercukur atau memendekkan rambut; dan keempat, tawaf di Kaabah diikuti dengan sa'i bagi mereka yang melakukan tamattu'. Bagi mereka yang melakukan ifrad atau qiran dan belum melakukan sa'i bersama Tawaf Qudum, mereka juga perlu melakukan sa'i selepas tawaf ini.

Namun jika seseorang mengubah urutan ini, amalan tersebut tetap sah kerana terdapat keringanan yang disampaikan oleh Nabi SAW. Ini termasuk mendahulukan sa'i sebelum tawaf, kerana ia adalah salah satu amalan yang dilakukan pada Hari Nahr. Hal ini termasuk dalam kata-kata seorang sahabat: *"Pada hari itu, tiada soalan tentang sesuatu amalan yang didahulukan atau dikemudiankan melainkan Baginda SAW berkata: 'Lakukanlah, tiada masalah.'"*<sup>1</sup> Ini juga meliputi kes-kes yang melibatkan kelupaan atau kejahilan, kerana ia memudahkan dan meringankan urusan. Nabi SAW pernah ditanya tentang seseorang yang melakukan sa'i sebelum tawaf, lalu Baginda bersabda: **"Tiada masalah."**<sup>2</sup> Riwayat Abu Dawud daripada Usamah bin Syarik dengan sanad yang sahih. Dengan ini, jelaslah bahawa hadis Nabi SAW tersebut adalah umum, merangkumi setiap kes.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (83) dan Muslim (1306).

<sup>2</sup> Riwayat Abu Dawud (2015).

Amalan yang membawa kepada tahallul sepenuhnya ada tiga, iaitu:

1. Melontar Jamrah Aqabah,
2. Bercukur atau memendekkan rambut,
3. Tawaf Ifadah, diikuti sa'i bagi mereka yang perlu.

Jika seseorang telah melakukan ketiga-tiga amalan ini, maka semuanya yang sebelumnya diharamkan ketika ihram, termasuk wanita dan wangian, menjadi halal. Namun, jika hanya dua amalan dilakukan, ia dikenali sebagai tahallul awal dan semua perkara dihalalkan kecuali wanita.

Jemaah haji juga disunatkan untuk minum air Zamzam sehingga merasa kenyang sambil berdoa dengan doa yang bermanfaat. Air Zamzam itu sendiri berkhasiat sesuai dengan niat peminumnya. Dalam Sahih Muslim, Abu Zar melaporkan bahawa Nabi SAW bersabda tentang air Zamzam: "Ia adalah makanan yang mengenyangkan,"<sup>1</sup> dan tambahan dalam riwayat Abu Dawud: "Ia juga penyembuh bagi penyakit."<sup>2</sup>

Selepas melakukan Tawaf Ifadah dan sa'i bagi mereka yang perlu, jemaah haji kembali ke Mina untuk tinggal selama tiga hari tiga malam, melontar ketiga-tiga jamrah setiap hari selepas gelincir matahari. Melontar ini perlu dilakukan mengikut tertib:

1. Bermula dengan Jamrah Pertama (dekat Masjid al-Khayf), melontar tujuh anak batu secara berturutan, sambil mengangkat tangan pada setiap lontaran. Selepas itu, disunatkan berdiri,

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (2473).

<sup>2</sup> Riwayat al-Tayalisi (457).

menjadikan jamrah di sebelah kiri, menghadap kiblat dan berdoa bersungguh-sungguh.

2. Kemudian, melontar Jamrah Kedua seperti yang pertama, diikuti dengan berdiri di hadapannya, menjadikan jamrah di sebelah kanan, menghadap kiblat, dan berdoa panjang.

3. Akhirnya, melontar Jamrah Ketiga, tidak perlu berdiri di situ untuk berdoa.

Melontar pada hari kedua dan ketiga Tasyriq dilakukan seperti hari pertama, dengan waktu yang sama iaitu selepas gelincir matahari. Ini semua adalah sunnah yang dilaksanakan Nabi SAW.

Melontar pada hari pertama dan kedua Tasyriq adalah antara amalan wajib haji. Demikian juga wajib bermalam di Mina pada malam pertama dan kedua, kecuali bagi mereka yang bertugas seperti penjaga haiwan atau pengurus air.

Selepas melontar pada dua hari tersebut, sesiapa yang ingin meninggalkan Mina boleh berbuat demikian sebelum matahari terbenam. Namun, mereka yang memilih untuk tinggal sehingga malam ketiga dan melontar pada hari terakhir mendapat ganjaran yang lebih besar, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

﴿وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ...﴾ [البقرة: ٢٤٣]

*"Dan ingatlah Allah pada hari-hari yang ditentukan. Sesiapa yang ingin berangkat setelah dua hari, tiada dosa baginya. Dan sesiapa yang ingin melanjutkan (tinggal di Mina), tiada dosa baginya, bagi mereka yang bertakwa."<sup>1</sup> Nabi SAW memberi*

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 203.

kelonggaran kepada mereka yang ingin meninggalkan Mina lebih awal, namun Baginda sendiri memilih untuk tinggal hingga hari terakhir, melontar pada 13 Zulhijjah selepas gelincir matahari, sebelum berangkat sebelum waktu Zohor.

Dibenarkan bagi wali anak kecil yang tidak mampu melontar sendiri untuk melontar bagi pihaknya, sama ada di Jamrah Aqabah mahupun jamrah-jamrah yang lain, selepas dia melontar untuk dirinya sendiri. Begitu juga dengan anak perempuan kecil yang tidak mampu melontar, walinya boleh melontar bagi pihaknya. Ini berdasarkan hadis Jabir RA, beliau berkata: *"Kami menunaikan haji bersama Rasulullah SAW, dan bersama kami terdapat wanita dan kanak-kanak. Maka kamilah bertalbiah dan melontar bagi pihak kanak-kanak."*<sup>1</sup> Riwayat Ibn Majah.

Bagi mereka yang tidak mampu melontar disebabkan sakit, usia tua, atau kerana membawa beban, mereka dibenarkan mewakili orang lain untuk melontar bagi pihak mereka. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ...﴾ [التغابن: ١٦]

*"Maka bertakwalah kamu kepada Allah semampu kamu."*<sup>2</sup>

Golongan ini tidak mampu bersesak-sesak dengan orang ramai di kawasan jamrah, dan waktu melontar akan terlepas. Oleh itu, mereka dibenarkan mewakili orang lain.

Namun, bagi amalan haji yang lain, tidak dibolehkan bagi seseorang yang berihram untuk mewakili orang lain melaksanakannya, walaupun ibadah haji itu sunat.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi (927) dan Ibn Majah (3038).

<sup>2</sup> Surah al-Taghabun: 16.

Ini kerana sesiapa yang sudah berihram untuk haji atau umrah – walaupun ibadah itu sunat – dia wajib menyempurnakannya, berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَاتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ...﴾ [البقرة: ١٦٦]

*"Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah."*<sup>1</sup>

Berbeza dengan tawaf dan sa'i, waktu melaksanakannya tidak akan habis, tidak seperti waktu melontar yang terhad. Maka terdapat keringanan pada melontar.

Berkenaan wuquf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, dan Mina, waktu melaksanakannya memang terdapat batas. Namun bagi mereka yang tidak mampu, masih memungkinkan untuk berada di tempat-tempat tersebut walaupun dengan kesulitan. Berbeza dengan pelaksanaan melontar kerana telah ada riwayat daripada salaf soleh yang membolehkan mewakilkan lontaran bagi pihak mereka yang uzur, berbeza dengan ibadah lain.

Ibadah adalah bersifat tawqifiyyah (wajib berdasarkan ketetapan wahyu), maka tidak dibenarkan sesiapa pun untuk menetapkan sesuatu dalam ibadah tanpa dalil.

Dibolehkan bagi seseorang yang mewakili orang lain dalam lontaran untuk melontar bagi dirinya terlebih dahulu, kemudian bagi pihak orang yang diwakilinya, setiap jamrah daripada tiga jamrah, tanpa perlu menyelesaikan lontaran bagi dirinya sepenuhnya sebelum melontar bagi pihak orang lain.

Ini adalah pendapat yang paling sahih dalam kalangan ulama kerana tiada dalil yang mewajibkan urutan seperti itu. Selain

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 196.

itu, ia juga menghindarkan kesukaran dan kesulitan, sedangkan Allah SWT berfirman:

﴿... وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ...﴾ [الحج: ٧٨]

*"Dia tidak menjadikan dalam agama ini kesulitan bagi kamu."*<sup>1</sup>

Nabi SAW juga bersabda: **"Permudahkan, jangan menyusahkan."**<sup>2</sup>

Tambahan pula, amalan sedemikian tidak pernah diriwayatkan daripada para sahabat Nabi SAW ketika mereka melontar bagi anak-anak kecil dan orang yang uzur dalam kalangan mereka. Jika mereka menyelesaikan semua jamrah dahulu, sudah tentu ia akan diriwayatkan kerana perkara ini adalah sesuatu yang penting untuk disampaikan. Allah Lebih Mengetahui.

---

<sup>1</sup> Surah al-Hajj: 78.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (69) dan Muslim (1734).

## Fasal: Kewajipan Dam (Denda) Bagi Jemaah Haji Tamattu' dan Qiran

Jemaah haji yang melakukan tamattu' atau qiran – dan bukan dalam kalangan penduduk kawasan Masjidil Haram – wajib membayar dam.

Dam ini berupa seekor kambing, atau satu per tujuh bahagian unta, atau satu per tujuh bahagian lembu.

Dam tersebut mestilah berasal daripada harta yang halal dan diperoleh secara baik, kerana Allah SWT itu Maha Baik dan tidak menerima kecuali yang baik.

Seorang Muslim sewajarnya menjaga diri daripada meminta dam atau apa-apa bantuan lain daripada orang lain, sama ada daripada pemerintah mahupun individu biasa, sekiranya Allah memudahkannya dengan harta sendiri untuk membeli dam dan mencukupi keperluannya tanpa bergantung kepada orang lain.

Ini berdasarkan banyak hadis Nabi SAW yang mencela sikap meminta-minta dan memuji mereka yang menghindarinya.

Jika orang yang melaksanakan haji tamattu' dan qiran tidak mampu menyediakan dam, sebagai ganti dam, dia wajib berpuasa tiga hari semasa haji dan tujuh hari apabila kembali ke tempat tinggalnya. Puasa tiga hari ini boleh dilakukan sebelum Hari Nahr atau pada Hari Tasyriq (tiga hari selepas Hari Raya Haji). Allah SWT berfirman:

(... فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلَهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ... [البقرة: ١٦٦])

*"Sesiapa yang melakukan tamattu' dengan umrah ke haji, maka wajiblah dia menyembelih dam yang mudah didapati. Tetapi*

*sesiapa yang tidak mampu, maka dia hendaklah berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari apabila dia kembali ke tempat tinggalnya. Itu sepuluh hari yang sempurna. Hal ini bagi mereka yang keluarganya bukan penduduk kawasan Masjidil Haram.*"<sup>1</sup> \*

Dalam Sahih al-Bukhari, Aisyah RA dan Ibn 'Umar RA berkata:

«لم يرخص في أيام التشريق أن يصمن إلا لمن لم يجد الهدي»، وهذا في حكم المرفوع إلى النبي صلى الله عليه وسلم، والأفضل أن يقدم صوم الأيام الثلاثة على يوم عرفة، ليكون في يوم عرفة مفطرا؛ لأن النبي صلى الله عليه وسلم وقف يوم عرفة مفطرا، ونهى عن صوم يوم عرفة بعرفة، ولأن الفطر في هذا اليوم أُنشط له على الذكر والدعاء، ويجوز صوم الثلاثة الأيام المذكورة متتابعة ومتفرقة، وكذا صوم السبعة لا يجب عليه التتابع فيها، بل يجوز صومها مجتمعة ومتفرقة؛ لأن الله سبحانه لم يشترط التتابع فيها، وكذا رسوله عليه الصلاة والسلام، والأفضل تأخير صوم السبعة إلى أن يرجع إلى أهله؛ لقوله تعالى: ﴿... وَسَبْعَةً إِذَا رَجَعْتُمْ...﴾ [البقرة: ١٩٦]

*"Tidak diberikan keringanan untuk berpuasa pada Hari Tashriq kecuali bagi mereka yang tidak mampu membayar dam." Fatwa dua orang sahabat ini berada pada autoriti hadis Nabi SAW.*

*Adalah lebih baik untuk menyelesaikan puasa tiga hari sebelum Hari Arafah, agar dapat berbuka pada Hari Arafah, kerana Nabi SAW sendiri berwuquf pada Hari Arafah dalam keadaan berbuka. Nabi SAW melarang berpuasa pada Hari Arafah di Arafah. Berbuka pada hari tersebut juga memberikan tenaga untuk berzikir dan berdoa. Puasa tiga hari ini boleh dilakukan secara berturut-turut atau berasingan, begitu juga dengan tujuh hari yang boleh dilakukan setelah kembali, kerana Allah tidak mensyaratkan turutan dalam puasa tersebut, dan begitu juga Nabi SAW.*

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 196.



*Namun adalah lebih baik untuk menanggukkan puasa tujuh hari tersebut sehingga seseorang kembali ke tempat tinggalnya, sebagaimana firman Allah SWT:*

*"Dan tujuh hari apabila kamu kembali ke tempat tinggalmu."<sup>12</sup>*

Berpuasa bagi mereka yang tidak mampu menyediakan dam adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada pemerintah atau sesiapa sahaja untuk mendapatkan dam. Namun, jika seseorang diberikan dam atau bantuan lain tanpa meminta-minta, ia tidak mengapa, meskipun dia sedang mewakili haji untuk orang lain. Sikap yang dilakukan oleh sebahagian orang, seperti meminta kepada kerajaan atau pihak lain dengan memberikan nama palsu semata-mata untuk mendapatkan dam, ialah perbuatan yang jelas haram. Ini kerana ia termasuk dalam mencari makan dengan penipuan. Semoga Allah melindungi kita dan seluruh Muslimin daripada perbuatan tersebut.

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 196.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1998).

## Fasal: Kewajipan Amar Makruf Terhadap Orang Yang Menunaikan Haji dan Selain Mereka

Antara kewajipan terbesar bagi jemaah haji dan orang lain adalah menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, dan menjaga solat lima waktu secara berjemaah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah dalam kitab-Nya dan melalui lisan Rasul-Nya SAW.

Sikap sebahagian besar penduduk Makkah dan kawasan lain yang meninggalkan solat berjemaah di masjid dan hanya berpada solat di rumah adalah salah dan bertentangan dengan syariat. Oleh itu, ia wajib ditegah, dan mereka perlu diarahkan untuk menjaga solat di masjid.

Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW kepada Ibn Umm Maktum RA yang meminta kebenaran untuk solat di rumah kerana beliau seorang yang buta, dan rumahnya jauh dari masjid: "Adakah kamu mendengar azan?" Beliau menjawab: "Ya." Nabi SAW bersabda: "Maka sahutlah [untuk ke masjid]." <sup>1</sup>

Dalam riwayat lain: "Aku tidak mendapati keringanan untukmu."<sup>2</sup> Nabi SAW juga bersabda: "Aku teringin benar untuk memerintahkan agar orang ramai mendirikan solat, kemudian aku melantik orang lain untuk menjadi imam, sementara aku pergi kepada mereka yang tidak menghadiri solat berjemaah dan membakar rumah mereka dengan api."<sup>3</sup> Dalam Sunan Ibn Majah dengan sanad yang hasan, Ibn Abbas RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang mendengar azan tetapi tidak datang (ke masjid), maka tiada solat

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (652).

<sup>2</sup> Riwayat Imam Ahmad (15064) dan Abu Dawud (552).

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari (2420) dan Muslim (651).

baginya kecuali kerana uzur."<sup>1</sup> Dalam Sahih Muslim, Ibn Mas'ud RA berkata: *"Sesiapa yang ingin bertemu Allah dalam keadaan Muslim kelak, hendaklah dia menjaga solat-solat ini (solat lima waktu) di tempat azan dikumandangkan, kerana Allah telah mensyariatkan kepada Nabi kamu sunnah-sunnah petunjuk, dan solat berjemaah adalah antara sunnah petunjuk tersebut.*

*Jika kamu solat di rumah seperti orang yang tidak hadir berjemaah, nescaya kamu telah meninggalkan sunnah Nabi kamu, dan jika kamu meninggalkan sunnah Nabi kamu, kamu pasti akan sesat.*

*Tidak ada seorang lelaki pun yang berwuduk dengan baik, kemudian menuju ke masjid melainkan Allah akan menulis baginya satu kebaikan untuk setiap langkah yang diambilnya, meninggikannya satu darjat, dan menghapuskan satu dosanya.*

*Dahulu kami tidak pernah meninggalkan solat berjemaah kecuali orang munafik yang diketahui kemunafikannya. Bahkan, seseorang akan dibawa untuk solat dalam keadaan dipapah oleh dua orang lelaki sehingga dia didirikan di saf."<sup>2</sup>*

Jemaah haji, begitu juga semua manusia umumnya, wajib menjauhi segala perkara yang diharamkan Allah, seperti zina, liwat, mencuri, memakan riba, mengambil harta anak yatim, menipu dalam urusan jual beli, mengkhianati amanah, minum arak, merokok, menjulurkan pakaian melebihi mata kaki, sombong, hasad, riak, mengumpat, mengadu domba, mengejek sesama Muslim, menggunakan alat-alat muzik seperti piring hitam, rebab, seruling, dan seumpamanya, mendengar lagu-lagu dan muzik melalui radio

---

<sup>1</sup> Riwayat Ibn Majah (793).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (654).

atau lain-lain, bermain judi, dadu, catur, serta mengambil bahagian dalam pertarungan atau perjudian (maysir).

Begitu juga haram melukis atau mengambil gambar makhluk bernyawa, sama ada manusia atau selainnya, serta meredai perbuatan tersebut.

Semua perkara ini adalah kemungkaran yang diharamkan Allah pada setiap masa dan tempat. Pun demikian, jemaah haji dan penduduk Tanah Haram lebih wajib berhati-hati daripada melakukan dosa-dosa ini, kerana dosa di tanah suci ini lebih besar dan hukumannya lebih berat. Allah SWT berfirman:

(... وَمَنْ يُرِدْ فِيهِ بِالْحَادِ بِظُلْمٍ نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿٥٥﴾ [الحج: ٥٥])

*"Dan sesiapa yang berkehendak melakukan kezaliman di dalamnya (Masjidil Haram), Kami akan rasakan kepadanya azab yang pedih."*<sup>1</sup> Jika Allah telah mengancam sesiapa yang hanya berniat untuk melakukan kezaliman di Tanah Haram, maka bagaimana pula dengan mereka yang memang melakukannya?

Tidak diragukan lagi bahawa hukumannya lebih berat dan lebih dahsyat. Oleh itu, wajib berhati-hati daripada melakukan dosa di Tanah Haram dan juga di tempat lain.

Jemaah haji tidak akan memperoleh haji yang mabrur dan keampunan dosa kecuali dengan segala perkara yang diharamkan oleh Allah. Sebagaimana disebut dalam hadis Nabi SAW: *"Sesiapa yang menunaikan haji tanpa melakukan rafath (ucapan yang tidak baik) dan tanpa melakukan kefasikan, dia akan pulang seperti pada hari dia dilahirkan oleh ibunya."*<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Hajj: 25.

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1521) dan Muslim (1350).

Kemungkaran yang paling teruk dan bahaya beranding semua ini ialah:

- berdoa kepada orang yang telah meninggal dunia,
- meminta pertolongan daripada mereka,
- bernazar kepada mereka,
- menyembelih korban untuk mereka dengan harapan mereka menjadi perantara kepada Allah, menyembuhkan penyakit, atau mengembalikan sesuatu yang hilang.

Ini adalah syirik besar yang diharamkan oleh Allah dan merupakan amalan kaum musyrikin pada zaman jahiliah. Allah mengutuskan para rasul dan menurunkan kitab-kitab-Nya untuk menegah dan mengingkari perbuatan ini.

Setiap individu, sama ada jemaah haji atau bukan, wajib menjauhi amalan ini. Jika pernah melakukannya, wajib segera bertaubat dan memulakan kehidupan baru dengan hati yang bersih, termasuk mengulangi ibadah haji jika ia dicemari dengan syirik. Ini kerana syirik besar membatalkan semua amal. Allah SWT berfirman:

﴿... وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحَبِطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾ [الأنعام: ٨٨]

*“Sekiranya para nabi tersebut melakukan syirik, nescaya akan terhapuslah setiap amalan baik yang mereka lakukan.”<sup>1</sup>*

Syirik kecil pula seperti bersumpah dengan selain nama Allah, seperti bersumpah dengan nama Nabi, Kaabah, atau amanah.

Begitu juga perbuatan riyak, mencari perhatian manusia dalam ibadah, atau mengucapkan: “Apa yang dikehendaki Allah dan engkau...,” atau “Kalau bukan kerana Allah dan engkau...”

---

<sup>1</sup> Surah al-An'am: 88.

Perbuatan ini wajib di jauhi dan diberi peringatan kepada orang lain agar tidak dilakukan, kerana Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah, maka dia telah melakukan kufur atau syirik."<sup>1</sup> Riwayat Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidhi dengan sanad yang sahih. Dalam hadis sahih, daripada 'Umar RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang hendak bersumpah, maka bersumpahlah dengan nama Allah atau diamlah."<sup>2</sup> Nabi SAW juga bersabda: "Sesiapa yang bersumpah dengan amanah, maka dia bukan daripada golongan kami."<sup>3</sup> Riwayat Abu Dawud. Dalam hadis lain, baginda bersabda: "Perkara yang paling aku takuti adalah kamu terjerumus ke dalam syirik kecil." Apabila ditanya tentang syirik kecil tersebut, baginda menjawab, "Ia adalah riyak."<sup>4</sup> Nabi SAW juga bersabda: "Janganlah kamu berkata: 'Apa yang dikehendaki Allah dan si fulan,' tetapi katakanlah: 'Apa yang dikehendaki Allah, kemudian apa yang dikehendaki si fulan.'<sup>5</sup>

Ibn Abbas RA meriwayatkan bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW: "Apa yang dikehendaki Allah dan dikehendaki engkau." Baginda menjawab:

"Adakah engkau menjadikan aku sekutu bagi Allah? Sebaliknya, katakan: 'Apa yang dikehendaki Allah' sahaja."<sup>6</sup>

Hadis-hadis ini menunjukkan betapa Nabi SAW berusaha menjaga kemurnian tauhid, memperingatkan umatnya

---

<sup>1</sup> Riwayat Imam Ahmad (6036) dan al-Tirmidhi (1535).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (2679) dan Muslim (1646).

<sup>3</sup> Riwayat Imam Ahmad (22471) dan Abu Dawud (3253).

<sup>4</sup> Riwayat Imam Ahmad (23119).

<sup>5</sup> Riwayat Imam Ahmad (22754) dan Abu Dawud (4980).

<sup>6</sup> Riwayat Imam Ahmad (1842).

daripada syirik besar sehingga syirik kecil, memastikan keselamatan iman mereka agar terhindar dari azab Allah dan kemurkaan-Nya. Semoga Allah memberikan ganjaran terbaik kepada Nabi SAW atas usaha baginda yang luar biasa. Selawat dan salam kepada Baginda sentiasa hingga hari kiamat.

Maka menjadi tanggungjawab para ulama, sama ada dalam kalangan jemaah haji atau penduduk di Tanah Suci, untuk mengajarkan kepada orang ramai apa yang telah Allah syariatkan. Mereka juga wajib memperingatkan tentang apa yang diharamkan oleh Allah, termasuk pelbagai jenis syirik dan dosa.

Penjelasan ini perlu dilakukan dengan dalil yang jelas, agar manusia dapat keluar dari kegelapan menuju cahaya kebenaran. Ini adalah kewajipan besar yang Allah tetapkan ke atas mereka, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ...﴾ [آل عمران: ٧٥]

*"Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian dari orang-orang yang telah diberi kitab: 'Hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada manusia, dan janganlah kamu menyembunyikannya.'"<sup>1</sup>*

Ayat ini juga memperingatkan ulama umat Islam agar tidak meniru jalan orang-orang zalim dalam kalangan Ahli Kitab yang menyembunyikan kebenaran demi kepentingan duniawi. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعِينُونَ ﴿١٥٩﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُّوا فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٠﴾﴾ [البقرة: ١٥٩-١٦٠]

---

<sup>1</sup> Surah Ali Imran: 187.

*"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan dan petunjuk setelah Kami jelaskan kepada manusia dalam kitab (Taurat), mereka itulah yang dilaknat oleh Allah dan dilaknat pula oleh semua makhluk yang dapat melaknat."<sup>1</sup>*

*Kecuali mereka yang bertaubat, memperbaiki diri, dan menjelaskan (kebenaran), maka mereka itulah yang Aku terima taubatnya. Dan Akulah Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang."<sup>2</sup>*

Dalil-dalil al-Quran dan hadis Nabi SAW menunjukkan bahawa menyeru kepada Allah dan membimbing manusia kepada tujuan mereka diciptakan adalah salah satu amal ibadah yang paling utama dan kewajiban yang paling penting. Firman Allah SWT:

*﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ﴾ [فصلت: ٣٣]*

*"Dan tiada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan kebajikan, dan berkata, 'Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri.'"<sup>3</sup>*

Allah SWT juga berfirman:

*﴿قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾ [يوسف: ١٧٨]*

*"Katakanlah (Muhammad), 'Inilah jalanku. Aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru kepada Allah dengan penuh kesedaran. Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang musyrik.'"<sup>4</sup>*

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah: 159.

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah: 160.

<sup>3</sup> Surah Fussilat: 33.

<sup>4</sup> Surah Yusuf: 108.



Nabi SAW juga bersabda: "Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan, dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya."<sup>1</sup> Riwayat Muslim. Baginda pernah bersabda kepada ‘Ali RA: "Demi Allah, jika Allah memberi petunjuk kepada seseorang melalui usaha kamu, itu lebih baik bagimu daripada unta merah (harta paling berharga bagi orang Arab)."<sup>2</sup> Disepakati sahih. Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang hal ini sangat banyak.

Oleh itu, para ulama dan orang yang beriman perlu menggandakan usaha mereka dalam menyeru kepada Allah, membimbing manusia kepada sebab-sebab keselamatan, dan memperingatkan mereka tentang sebab-sebab kehancuran. Hal ini menjadi lebih penting pada zaman sekarang, ketika hawa nafsu menguasai, ideologi merosakkan tersebar luas, dan suara-suara kesesatan lebih banyak daripada mereka yang menyeru kepada kebenaran.

Semoga Allah memberikan pertolongan, kerana tiada daya dan kekuatan melainkan dengan-Nya, Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (1893).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (2009).

## **Fasal: Anjuran Memperbanyakkan Amalan Ketaatan**

Jemaah haji dianjurkan untuk sentiasa mengingati Allah, melaksanakan ketaatan dan memperbanyakkan amal soleh sepanjang berada di Makkah. Mereka disunatkan memperbanyakkan solat dan tawaf di Kaabah kerana kebaikan di Tanah Haram dilipatgandakan pahalanya, sedangkan dosa di sana lebih besar dan berat. Mereka juga dianjurkan memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

Apabila jemaah haji berhasrat meninggalkan Makkah, mereka diwajibkan melaksanakan Tawaf Wada' (tawaf perpisahan) sebagai penghormatan terakhir kepada Baitullah, kecuali wanita yang sedang haid atau nifas. Hal ini berdasarkan hadis Ibn Abbas RA yang berkata: "**Manusia diperintahkan agar akhir ibadah mereka di Kaabah adalah tawaf, kecuali wanita yang sedang haid.**"<sup>1</sup> Disepakati sahih.

Setelah selesai Tawaf Wada', jika seseorang ingin keluar dari Masjidil Haram, dia hendaklah terus melangkah keluar tanpa berjalan secara mundur (ke belakang). Amalan berjalan mundur tidak pernah diajarkan oleh Nabi SAW mahupun para sahabatnya. Ia termasuk perkara baru yang diada-adakan dalam agama (bid'ah). Nabi SAW bersabda: "**Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tiada perintah daripada kami, maka ia tertolak.**"<sup>2</sup> Nabi SAW juga bersabda: "**Berhati-hatilah terhadap perkara baru yang diada-adakan, kerana setiap perkara baru adalah bid'ah, dan setiap bid'ah adalah kesesatan.**"<sup>3</sup>

Kita memohon kepada Allah agar sentiasa meneguhkan kita dalam agama-Nya dan menjauhkan kita daripada perkara yang menyalahi ajaran-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1755) dan Muslim (1328).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1718), al-Bukhari menukulkannya secara ta'liq.

<sup>3</sup> Riwayat Ahmad (16694) dan Abu Dawud (4607).

## Fasal: Hukum dan Adab Ziarah

Disunatkan bagi umat Islam untuk menziarahi Masjid Nabi SAW sebelum atau selepas menunaikan haji, berdasarkan hadis sahih daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Solat di masjidku ini lebih baik daripada seribu solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram."<sup>1</sup> Dalam riwayat lain oleh Ibn Umar RA, Rasulullah SAW bersabda: "Solat di masjidku ini lebih utama daripada seribu solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram."<sup>2</sup> Riwayat Muslim. Daripada Abdullah bin al-Zubair RA, Rasulullah SAW bersabda: "Solat di masjidku ini lebih utama daripada seribu solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram, dan solat di Masjidil Haram lebih utama daripada seratus solat di masjidku ini."<sup>3</sup> Riwayat Ahmad, Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban.

Juga disebut dalam riwayat Jabir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Solat di masjidku ini lebih baik daripada seribu solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram, dan solat di Masjidil Haram lebih baik daripada seratus ribu solat di masjid lain."<sup>4</sup> Riwayat Ahmad dan Ibn Majah. Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Apabila seseorang tiba di Masjid Nabi SAW, disunatkan mendahulukan kaki kanan semasa masuk sambil membaca: "Bismillah, waṣ-ṣalātu was-salāmu 'ala Rasūlillāh. A'ūdhu billāh-il-'Aẓīm wa biwajhihil-karīm wa sulṭānihil-qadīm minasy-syayṭānir-raġīm. Allāhumma iftaḥ lī abwāba raḥmatik."

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1190) dan Muslim (1394).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1395).

<sup>3</sup> Riwayat Ahmad (15685).

<sup>4</sup> Riwayat Ibn Majah (1406).

"Dengan nama Allah, semoga selawat serta salam tercurahkan kepada Rasulullah. Aku berlindung kepada Allah Maha Agung dengan Wajah-Nya yang Mulia dan Kekuasaan-Nya yang azali. Ya Allah, bukakanlah untukku pintu-pintu rahmat-Mu."<sup>1</sup>

Doa ini juga disunatkan ketika memasuki mana-mana masjid, kerana tiada doa khusus untuk memasuki Masjid Nabi SAW. Setelah masuk, disunatkan menunaikan dua rakaat tahiyatul masjid, dan berdoa kepada Allah apa sahaja kebaikan dunia dan akhirat.

Jika seseorang berkesempatan menunaikan solat ini di Raudhah (kawasan antara mimbar dan rumah Nabi SAW), ia adalah lebih baik kerana Rasulullah SAW bersabda: "**Di antara rumahku dan mimbarku adalah taman daripada taman-taman syurga.**"<sup>2</sup> Selepas solat, seseorang disunatkan menziarahi makam Rasulullah SAW serta makam dua sahabat Baginda, Abu Bakar dan Umar RA. Ketika berdiri di hadapan makam Nabi SAW, seseorang hendaklah beradab dengan suara rendah dan mengucapkan salam, seperti:

"Salam sejahtera ke atasmu, wahai Rasulullah, rahmat Allah dan keberkatan-Nya."

Nabi SAW bersabda: "**Tiada seorang pun yang memberi salam kepadaku melainkan Allah mengembalikan rohku untuk aku menjawab salamnya.**"<sup>3</sup> Boleh juga menambah dengan ucapan:

"Salam sejahtera ke atasmu, wahai Nabi Allah. Salam sejahtera ke atasmu, wahai pilihan Allah daripada makhluk-Nya. Salam

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (713) al-Nasa'i (729), Abu Dawud (465), Ibn Majah (772), Ahmad (5/425) dan al-Darimi (1394).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (1195) dan Muslim (1390).

<sup>3</sup> Riwayat Imam Ahmad (10434) dan Abu Dawud (2041).

sejahtera ke atasmu, wahai penghulu para rasul dan pemimpin orang bertakwa. Aku bersaksi bahawa engkau telah menyampaikan risalah, menunaikan amanah, menasihati umat, dan berjihad di jalan Allah dengan sebenar-benar jihad." Kerana ini semua adalah sifat-sifat baginda, kemudian berselawat buat baginda, mendoakan kebaikan baginda. Ini adalah praktis bagi firman Allah:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

[الأحزاب: ٥٦]

*"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah ke atasnya dan ucapkanlah salam dengan sebenar-benar salam."*<sup>1</sup> Seterusnya, penziarah memberi salam kepada Abu Bakar dan 'Umar RA, mendoakan kebaikan dan keredaan buat mereka berdua.

Ibn Umar RA, ketika memberi salam kepada Rasulullah SAW dan kedua sahabat baginda, Abu Bakar dan Umar RA, biasanya hanya mengucapkan: *"Salam sejahtera atasmu, wahai Rasulullah. Salam sejahtera atasmu, wahai Abu Bakar. Salam sejahtera atasmu, wahai ayahku."* Kemudian beliau berlalu pergi.

Ziarah ini hanya disyariatkan bagi lelaki. Bagi kaum wanita, mereka tidak dianjurkan menziarahi kubur, sebagaimana disebut dalam hadis Nabi SAW: **"Allah melaknat wanita yang sering menziarahi kubur, dan mereka yang menjadikan kubur sebagai tempat ibadah atau menghiasnya dengan lampu."**<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Ahzab: 56.

<sup>2</sup> Riwayat al-Tirmidhi (320), al-Nasa'i (2043), Abu Dawud (3236), Ibn Majah (1575) dan Imam Ahmad (1/337).

Namun kaum wanita tetap disyariatkan untuk menziarahi Madinah untuk solat di Masjid Rasulullah SAW, berdoa di sana, dan melakukan amalan lain yang disyariatkan di semua masjid. Ini berdasarkan hadis-hadis yang telah disebutkan sebelumnya.

Disunatkan bagi jemaah yang menziarahi Madinah untuk menunaikan solat lima waktu di Masjid Nabi SAW, memperbanyakkan zikir, doa, dan solat sunat. Ini adalah peluang untuk merebut ganjaran besar yang tersedia.

Amat dianjurkan juga untuk memperbanyakkan solat sunat di Raudhah (kawasan antara mimbar dan rumah Nabi SAW), berdasarkan sabda baginda: "**Di antara rumahku dan mimbarku adalah taman daripada taman-taman syurga.**"<sup>1</sup>

Bagi solat fardu, jemaah disarankan untuk hadir awal, berusaha mendapatkan saf pertama, meskipun ia berada di luar kawasan Raudhah. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang mendorong umatnya untuk merebut saf pertama, seperti sabda baginda: "**Sekiranya manusia tahu apa kelebihan azan dan saf pertama, dan mereka tidak dapat mencapainya kecuali dengan diundi, nescaya mereka akan berebut untuknya.**"<sup>2</sup>

Muttafaq 'alayh. Nabi SAW juga bersabda: "**Majulah kalian, ikuti aku, dan biarkan orang lain mengikuti kalian. Seseorang yang terus menerus meninggalkan solat akan ditinggalkan Allah.**"<sup>3</sup> Riwayat Muslim.

Abu Dawud meriwayatkan daripada Aisyah RA dengan sanad yang hasan, bahawa Nabi SAW bersabda: "**Seseorang yang terus menerus tertinggal dari saf pertama akan ditinggalkan Allah di**

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1195) dan Muslim (1390).

<sup>2</sup> Riwayat al-Bukhari (615) dan Muslim (437).

<sup>3</sup> Riwayat Muslim (438).

neraka."<sup>1</sup> Baginda juga bersabda: "Tidakkah kalian mahu berbaris sebagaimana para malaikat berbaris di hadapan Tuhan mereka?" Para sahabat bertanya: "Bagaimana para malaikat berbaris, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Mereka menyempurnakan saf pertama dan merapatkan saf."<sup>2</sup> Riwayat Muslim.

Hadis-hadis berkaitan ini begitu banyak, dan ia merangkumi semua masjid, sama ada Masjid Nabi SAW sebelum atau selepas pembesarannya.

Nabi SAW juga sentiasa menganjurkan para sahabat untuk menjaga saf di bahagian kanan. Diketahui bahawa saf kanan ini termasuk di kawasan masjid asal baginda dan juga di luar kawasan Raudhah. Maka jelaslah bahawa memberi perhatian kepada saf pertama dan saf kanan lebih utama daripada berusaha hanya untuk solat di Raudhah.

Memelihara saf pertama dan saf kanan adalah keutamaan yang lebih tinggi daripada sekadar solat di Raudhah, sebagaimana ditunjukkan oleh banyak hadis yang sahih. Ini adalah panduan yang terang bagi sesiapa yang merenungkan dan memahami sunnah baginda SAW dalam bab ini.

Semoga Allah memberikan bimbingan.

Tidak dibenarkan bagi sesiapa pun untuk menyentuh atau mengusap dinding makam Nabi SAW, menciumnya, atau melakukan tawaf di sekitarnya, kerana perbuatan tersebut tidak pernah dilakukan oleh para salafus soleh. Bahkan, ia adalah bidaah yang tercela.

---

<sup>1</sup> Riwayat Abu Dawud (679).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (430).

Seseorang juga tidak boleh meminta kepada Rasulullah SAW untuk memenuhi hajat, menghilangkan kesusahan, menyembuhkan penyakit, atau perkara-perkara lain, kerana semua ini hanya boleh diminta daripada Allah SWT. Meminta perkara tersebut daripada orang yang telah meninggal dunia adalah syirik kepada Allah dan merupakan bentuk penyembahan kepada selain-Nya.

Agama Islam dibina atas dua prinsip utama:

1. Bahawa hanya Allah sahaja yang berhak disembah.
2. Bahawa sembah (ibadah) hanya dilakukan dengan cara yang telah disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya SAW.

Ini adalah inti maksud syahadah: "Tiada yang berhak disembah melainkan Allah; Muhammad adalah Rasul Allah."

Demikian juga, seseorang tidak boleh meminta syafaat daripada Rasulullah SAW, kerana syafaat adalah milik Allah SWT. Ia hanya boleh dimohon daripada-Nya, sebagaimana firman Allah:

(قُلْ لِلَّهِ الشَّفَعَةُ جَمِيعًا...) [الزمر: ٢٥]

*"Katakanlah: Hanya milik Allah segala syafaat."<sup>1</sup>*

Sebaliknya, seseorang boleh berdoa kepada Allah dengan berkata: "Ya Allah, berikanlah syafaat Nabi-Mu kepadaku. Ya Allah, berikanlah syafaat para malaikat dan hamba-hamba-Mu yang beriman. Ya Allah, berikanlah syafaat anak-anakku yang telah meninggal dunia." Atau yang seumpama ini.

Namun tidak boleh meminta daripada orang yang telah meninggal dunia, termasuk syafaat, sama ada mereka adalah nabi atau bukan, kerana hal ini tidak pernah disyariatkan.

---

<sup>1</sup> Surah al-Zumar: 44.



Selain itu, amalan seseorang yang telah meninggal dunia telah terputus kecuali yang dikecualikan oleh syarak.

Dalam Sahih Muslim, daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda: "**Apabila anak Adam meninggal dunia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, atau anak soleh yang mendoakannya.**"<sup>1</sup>

Meminta syafaat daripada Nabi SAW hanya dibenarkan semasa baginda masih hidup dan pada Hari Kiamat, kerana ketika itu baginda berkemampuan untuk meminta kepada Allah bagi pihak peminta syafaat. Di dunia ketika baginda masih hidup, ini jelas dibolehkan, bahkan ia bukan khusus kepada Nabi SAW sahaja. Setiap Muslim boleh berkata kepada saudaranya:

"Berikan syafaat untukku kepada Allah dalam urusan tertentu," dengan maksud, "Doakan aku kepada Allah." Orang yang diminta untuk berdoa juga boleh memohon kepada Allah bagi saudaranya, selagi permintaan itu dibenarkan oleh syariat.

Sedangkan pada Hari Kiamat, tiada sesiapa pun yang boleh memberikan syafaat kecuali dengan izin Allah, sebagaimana firman-Nya:

(... مَن ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ... ) [البقرة: ﴿٢٥٥﴾]

*"Tiada siapa yang dapat memberikan syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya."*<sup>2</sup>

Sementara keadaan selepas kewafatan baginda, ia tidak boleh disamakan dengan sebelum kematian atau selepas kebangkitan pada Hari Kiamat.

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (1631).

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah: 255.

Ini kerana amalan seseorang yang telah meninggal dunia telah terputus, dan dia bergantung sepenuhnya kepada amalannya yang terdahulu, kecuali perkara-perkara yang telah dikecualikan oleh syariat.

Meminta syafaat daripada orang yang telah meninggal dunia bukanlah perkara yang dikecualikan oleh syariat, oleh itu ia tidak boleh dilakukan. Tidak diragukan bahawa Nabi SAW, selepas wafatnya, hidup dalam kehidupan barzakh yang lebih sempurna daripada kehidupan para syuhada. Namun, kehidupan ini bukan seperti kehidupannya sebelum wafat, dan juga bukan seperti kehidupannya pada Hari Kiamat. Sebaliknya, ia adalah kehidupan yang hakikat dan caranya hanya diketahui oleh Allah SWT. Hal ini diperkuat oleh hadis Nabi SAW: **"Tiada seorang pun yang memberi salam kepadaku melainkan Allah mengembalikan rohku untuk aku menjawab salamnya."**<sup>1</sup>

Hadis ini menunjukkan bahawa baginda telah wafat, dan rohnya telah berpisah dari tubuhnya. Namun roh itu dikembalikan kepada tubuhnya setiap kali ada yang memberi salam kepadanya. Dalil-dalil daripada al-Quran dan sunnah yang menyatakan wafatnya Nabi SAW sangat jelas dan diketahui, dan perkara ini telah disepakati oleh para ulama.

Namun ini tidak menafikan kehidupan barzakh baginda, sebagaimana wafatnya para syuhada tidak menafikan kehidupan barzakh mereka yang disebut dalam firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ﴾ [آل عمران: ١٦٩]

---

<sup>1</sup> Riwayat Imam Ahmad (10434) dan Abu Dawud (2041).

*"Dan jangan sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang terbunuh di jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."<sup>1</sup>*

Kami bantahkan penjelasan tentang isu ini kerana ia sangat diperlukan, disebabkan oleh ramainya orang yang keliru dalam isu ini dan mengajak kepada syirik serta penyembahan orang-orang yang telah meninggal dunia selain Allah. Kita memohon kepada Allah untuk melindungi kita dan seluruh umat Islam daripada segala perkara yang bertentangan dengan syariat-Nya. Hanya Allah yang Maha Mengetahui.

Amalan yang dilakukan oleh sebahagian penganjur seperti meninggikan suara di makam Nabi SAW atau berdiri lama di sana adalah perkara yang bertentangan dengan syariat. Allah SWT telah melarang umat Islam meninggikan suara mereka melebihi suara Nabi SAW atau berbicara kepada baginda sebagaimana mereka berbicara antara sesama mereka. Allah berfirman:

*(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ) ﴿٢٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ يُعِظُونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢١﴾* [الحجرات: ٢٠-٢١]

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi dan janganlah kamu berbicara kepada baginda dengan suara keras sebagaimana kamu berbicara sesama kamu, supaya amalan-amalanmu tidak terhapus sedangkan kamu tidak menyedarinya."<sup>2</sup>*

---

<sup>1</sup> Surah Ali 'Imran: 169.

<sup>2</sup> Surah al-Hujurat: 2.

*"Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah orang-orang yang hatinya telah diuji oleh Allah untuk bertakwa. Mereka akan memperoleh keampunan dan ganjaran yang besar."<sup>1</sup>*

Berdiri lama di makam baginda, mengulang salam banyak kali, atau melakukan perkara yang menyebabkan kesesakan, hingar-bingar, dan meninggikan suara di tempat tersebut adalah bertentangan dengan adab yang disyariatkan Allah dalam ayat-ayat-Nya.

Rasulullah SAW dihormati semasa hidup dan selepas wafat baginda, maka tidak sepatutnya seorang mukmin melakukan sesuatu yang bertentangan dengan adab syariat di makam baginda.

Demikian juga praktis yang dilakukan oleh sebahagian pengunjung seperti berdoa di hadapan makam Nabi SAW sambil menghadap makam dan mengangkat tangan adalah perkara yang bertentangan dengan amalan salafus soleh, iaitu para sahabat dan pengikut mereka. Perbuatan ini adalah antara bidaah yang diada-adakan. Nabi SAW bersabda: **"Wajib atas kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khalifah yang mendapat petunjuk selepas aku. Berpeganglah dengannya dengan erat dan jauhilah perkara-perkara baru yang diada-adakan, kerana setiap perkara yang diada-adakan adalah bidaah, dan setiap bidaah adalah sesat."**<sup>2</sup> Riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i dengan sanad yang hasan. Nabi SAW juga bersabda: **"Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu dalam urusan agama kami yang bukan daripadanya,**

---

<sup>1</sup> Surah al-Hujurat: 3.

<sup>2</sup> Riwayat Ahmad (16694) dan Abu Dawud (4607).

maka ia tertolak."<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari dan Muslim. Versi riwayat Muslim: "Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tiada perintah daripada kami, maka ia tertolak."<sup>2</sup>

Ali bin al-Husain Zain al-Abidin RA pernah melihat seseorang berdoa di hadapan makam Nabi SAW, lalu beliau melarangnya berbuat demikian, seraya berkata: *"Mahukah aku ceritakan kepadamu suatu hadis yang aku dengar daripada bapaku, daripada datukku, daripada Rasulullah SAW? Baginda bersabda: "Janganlah kalian menjadikan kuburku sebagai tempat perayaan, dan janganlah rumah-rumah kalian menjadi seperti kubur. Berselawatlah ke atasku, kerana salam kalian akan sampai kepadaku di mana sahaja kamu berada."*<sup>3</sup> Riwayat Diya' al-Din al-Maqdisi dalam al-Mukhtarrah.

Demikian juga amalan yang dilakukan oleh sebahagian pengunjung seperti meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di dada atau di bawah dada ketika memberi salam kepada Nabi SAW menyerupai posisi solat, ia adalah tidak dibenarkan. Perbuatan ini, sama ada ketika di makam Nabi SAW atau di hadapan raja dan pemimpin, adalah lambang ketundukan, kerendahan dan penyembahan yang hanya layak diberikan kepada Allah. Hal ini disebutkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam Fath al-Bari, dinukilkan daripada para ulama.

Perkara ini jelas sekali bagi sesiapa yang mahu berfikir, dan menjadikan cita-citanya mengikuti agama warisan al-Salaf al-Salih.

Bagi mereka yang bersikap fanatik, mempertahankan hawa nafsu, melakukan taqlid buta, atau berburuk sangka kepada

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (2697), Muslim (1718), Abu Dawud (4606), Ibn Majah (14) dan Imam Ahmad (6/256).

<sup>2</sup> Riwayat Muslim (1718), al-Bukhari menukilkannya secara ta'liq.

<sup>3</sup> Riwayat Imam Ahmad (no. 8586).

para pendakwah yang menyeru kepada manhaj salafus soleh, urusan mereka diserahkan kepada Allah. Kita memohon kepada Allah untuk memberikan hidayah kepada kita dan kepada mereka, serta menjadikan kita semua lebih mengutamakan kebenaran daripada segala-galanya. Sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik tempat bergantung.

Begitu juga amalan yang dilakukan oleh sebahagian orang seperti menghadap ke arah makam Nabi SAW dari jauh sambil menggerakkan bibir untuk mengucapkan salam atau berdoa. Perbuatan ini adalah sebahagian daripada perkara baru yang diada-adakan dalam agama, seperti yang disebut sebelumnya. Seorang Muslim tidak seharusnya memperkenalkan amalan baru dalam agamanya yang tidak diizinkan oleh Allah. Perbuatan seperti ini sebenarnya lebih dekat kepada sikap kasar dan kurang adab daripada menunjukkan kecintaan dan kesucian hubungan dengan Nabi SAW.

Imam Malik (rahimahullah) mengingkari perbuatan ini dan perbuatan seumpamanya. Beliau berkata: *"Tidak akan menjadi baik generasi terakhir umat ini kecuali dengan apa yang menjadikan generasi awalnya baik."*

Sudah diketahui bahawa apa yang menjadikan generasi awal umat ini baik adalah dengan berpegang teguh kepada manhaj Nabi SAW, para khalifah yang mendapat petunjuk, sahabat-sahabat baginda yang diredai Allah dan pengikut mereka yang berbuat ihsan. Generasi terakhir umat ini tidak akan menjadi baik kecuali jika mereka juga berpegang kepada prinsip tersebut dan berjalan di atasnya.

Semoga Allah memberi taufik kepada umat Islam untuk berpegang kepada apa yang membawa kepada keselamatan, kebahagiaan dan kemuliaan mereka di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

## Peringatan Penting:

Menziarahi makam Nabi SAW bukanlah sesuatu yang wajib dan bukan pula syarat dalam ibadah haji, seperti yang disangka oleh sebahagian orang awam. Sebaliknya, ia adalah amalan yang disunatkan bagi sesiapa yang menziarahi Masjid Rasulullah SAW atau yang berada berdekatan dengannya.

Namun bagi mereka yang tinggal jauh dari Madinah, tidak disyariatkan untuk mengadakan perjalanan semata-mata untuk menziarahi makam baginda. Sebaliknya, disunatkan untuk melakukan perjalanan dengan niat menziarahi Masjid Nabi SAW. Setelah tiba di sana, bolehlah menziarahi makam Nabi SAW dan makam dua sahabat baginda, Abu Bakar dan Umar RA.

Ziarah ke makam baginda dan kedua-dua sahabatnya termasuk dalam rangkaian ziarah ke Masjid Nabi SAW, bukan tujuan utama perjalanan. Hal ini berdasarkan hadis sahih yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, bahawa Nabi SAW bersabda: **"Janganlah kalian mengadakan perjalanan kecuali ke tiga masjid: Masjidil Haram, masjidku ini, dan Masjid al-Aqsa."**<sup>1</sup>

Sekiranya perjalanan khusus ke makam Nabi SAW atau makam lain disyariatkan, nescaya Nabi SAW akan menunjukkan kepada umatnya keutamaan tersebut. Baginda adalah manusia yang paling ikhlas, paling berilmu tentang Allah dan paling takut kepada-Nya. Baginda telah menyampaikan segala kebaikan kepada umatnya dan memperingatkan mereka tentang segala keburukan.

Bagaimana mungkin baginda tidak menunjukkan keutamaan perjalanan ini, sedangkan baginda dengan tegas melarang mengadakan perjalanan kecuali ke tiga masjid? Baginda juga

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1864) dan Muslim (1397).

sudah memperingatkan: "Janganlah kamu menjadikan kuburku sebagai tempat perayaan dan janganlah rumah kamu seperti kuburan. Berselawatlah kepadaku kerana selawat kamu akan sampai kepadaku di mana sahaja kamu berada."<sup>1</sup>

Menganggap perjalanan khusus untuk menziarahi makam Nabi SAW sebagai disyariatkan boleh membawa kepada menjadikan makam baginda sebagai tempat perayaan dan mengundang bahaya yang dibimbangkan oleh Nabi SAW, iaitu sikap melampau dan berlebihan terhadap baginda.

Malangnya, ramai orang telah terjatuh dalam kesilapan ini kerana kepercayaan mereka bahawa perjalanan untuk menziarahi makam Nabi SAW adalah disyariatkan.

Berkenaan hadis-hadis yang digunakan oleh sebahagian pihak untuk menyokong pandangan bahawa perjalanan ke makam baginda adalah disyariatkan, ia adalah hadis-hadis yang sanadnya lemah, bahkan ada yang palsu.

Para ulama hadis, seperti al-Daraqutni, al-Bayhaqi, al-Hafiz Ibn Hajar dan lain-lain telah menjelaskan kelemahan hadis-hadis tersebut. Oleh itu, hadis-hadis ini tidak boleh digunakan untuk menolak hadis-hadis sahih yang dengan jelas melarang membuat perjalanan kecuali ke tiga masjid.

Berikut adalah beberapa hadis palsu yang berkaitan dengan isu ini, agar anda mengetahuinya dan tidak terpedaya dengannya:

1. "Sesiapa yang menunaikan haji tetapi tidak menziarahiku, maka dia telah bersikap kasar terhadapku."
2. "Sesiapa yang menziarahiku selepas kewafatanku, seolah-olah dia menziarahiku ketika aku masih hidup."

---

<sup>1</sup> Riwayat Imam Ahmad (no. 8586).



3. "Sesiapa yang menziarahiku dan menziarahi ayahku Ibrahim dalam satu tahun, aku menjamin baginya syurga daripada Allah."

4. "Sesiapa yang menziarahi makamku, maka wajib baginya mendapat syafaatku."

Hadis-hadis ini dan yang seumpamanya, tidak satu pun yang sahih daripada Nabi SAW.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam al-Talkhis menyebut, setelah membahaskan banyak riwayat: *"Semua jalur periwayatan hadis ini lemah."*

Al-Hafiz al-'Uqayli pula berkata: *"Tiada satu pun yang sahih dalam bab ini."*

Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah (rahimahullah) dengan tegas menyatakan bahawa semua hadis ini adalah palsu. Cukuplah beliau sebagai rujukan ilmu, hafalan, dan penelitian.

Sekiranya ada satu daripada hadis-hadis ini yang sahih, pastinya para sahabat RA adalah orang yang paling awal mengamalkannya, menyampaikannya kepada umat dan menyeru manusia kepadanya. Mereka adalah sebaik-baik manusia selepas para nabi, paling tahu tentang hukum-hukum Allah dan syariat-Nya, serta paling ikhlas kepada Allah dan umat-Nya. Namun apabila tidak ada satu pun riwayat yang menunjukkan mereka mengamalkan perkara ini, jelaslah bahawa ia bukanlah sesuatu yang disyariatkan.

Jika ada hadis yang sahih dalam hal ini, maka ia perlu difahami dalam konteks ziarah yang sesuai dengan syariat, yang tidak melibatkan perjalanan khusus semata-mata untuk menziarahi makam. Ini adalah cara untuk menghimpunkan dan menyelaraskan antara dalil-dalil yang ada. Allah lebih mengetahui.

## Fasal: Galakan Menziarahi Masjid Quba' dan Perkuburan Baqi'

Disunatkan bagi sesiapa yang menziarahi Madinah untuk menziarahi Masjid Quba' dan menunaikan solat di dalamnya. Galakan ini berdasarkan hadis sahih daripada Ibn 'Umar RA, beliau berkata: "*Nabi SAW menziarahi Masjid Quba' dengan berjalan kaki atau menunggang. Baginda menunaikan solat dua rakaat di dalamnya.*"<sup>1</sup> Daripada Sahl bin Hunayf RA, Rasulullah SAW bersabda: "*Sesiapa yang bersuci di rumahnya kemudian datang ke Masjid Quba' dan solat di dalamnya, dia akan mendapat ganjaran seperti pahala umrah.*"<sup>2</sup>

Disunatkan juga untuk menziarahi tanah perkuburan Baqi', makam para syuhada', dan makam Hamzah RA. Ini kerana Rasulullah SAW biasa menziarahi mereka dan mendoakan kebaikan untuk mereka. Nabi SAW bersabda: "*Ziarahilah kubur, kerana ia mengingatkan kalian kepada akhirat.*"<sup>3</sup> Riwayat Muslim.

Nabi SAW mengajarkan kepada para sahabat ketika menziarahi kubur untuk mengucapkan: "*Salam sejahtera ke atasmu, wahai penghuni tempat ini, daripada kalangan mukminin dan Muslimin. Sesungguhnya kami, insyaAllah, akan menyusul kalian. Kami memohon kepada Allah agar memberikan keselamatan kepada kami dan kepada kalian.*"<sup>4</sup> Riwayat Muslim.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari (1194) dan Muslim (1399).

<sup>2</sup> Riwayat Ibn Majah (141).

<sup>3</sup> Riwayat Muslim (976) dan Ibn Majah (1569).

<sup>4</sup> Riwayat Muslim (975).

Daripada Ibn 'Abbas RA, beliau berkata: **Nabi SAW melewati kubur-kubur di Madinah, lalu baginda menghadap mereka dan berkata:**

**"Salam sejahtera ke atasmu, wahai penghuni kubur. Semoga Allah mengampuni kami dan kalian. Kalian telah mendahului kami, dan kami akan menyusul kalian."**<sup>1</sup>

Daripada hadis-hadis ini, jelas bahawa ziarah kubur yang disyariatkan bertujuan untuk:

1. Mengingatnkan diri kepada akhirat.
2. Berbuat baik kepada mereka yang telah meninggal dunia dengan mendoakan dan memohon rahmat untuk mereka.

Namun jika ziarah kubur dilakukan dengan tujuan lain seperti berdoa di sisi kubur, berlama-lama di situ, meminta hajat kepada penghuni kubur, memohon kesembuhan penyakit, atau memohon kepada Allah dengan perantaraan mereka, ini adalah amalan yang tidak disyariatkan. Perbuatan ini adalah bidaah yang tercela, yang tidak pernah diajarkan oleh Allah atau Rasul-Nya, dan tidak pernah dilakukan oleh para al-Salaf al-Soleh. Rasulullah SAW bersabda: **"Ziarahilah kubur, tetapi janganlah mengucapkan perkataan yang batil."**<sup>2</sup>

Amalan-amalan yang tidak disyariatkan semuanya disebut bidaah, tetapi ia berbeza-beza tingkatan.

Ada bidaah yang bukan syirik: Seperti berdoa kepada Allah di sisi kubur atau memohon kepada Allah dengan menyebut hak atau kedudukan penghuni kubur.

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Tirmidhi (1053).

<sup>2</sup> Riwayat Ahmad (13487) dan Malik (1048).

Ada juga bidaah yang merupakan syirik besar: Seperti berdoa kepada penghuni kubur, meminta pertolongan kepada mereka, atau memohon keperluan daripada mereka.

Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci sebelum ini. Maka berhati-hatilah dan mohonlah kepada Allah untuk memberikan taufik dan hidayah menuju kebenaran. Sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik pemberi petunjuk, tiada Tuhan selain-Nya, dan tiada Rabb selain-Nya.

Ini adalah akhir daripada apa yang ingin kami sampaikan. Segala puji bagi Allah, permulaan dan kesudahan. Semoga Allah melimpahkan selawat dan salam ke atas hamba dan utusan-Nya, pilihan-Nya dari kalangan makhluk-Nya, Muhammad SAW, keluarganya, para sahabatnya, dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan kebaikan hingga hari kiamat.

Sekapur Sireh.....	4
Mukadimah .....	6
Fasal Berkenaan Dalil-dalil Kewajipan Haji dan Umrah serta Kepentingan Menyegerakannya .....	8
Fasal Berkenaan Kewajipan Bertaubat daripada Maksiat dan Mengembalikan Hak yang Dizalimi .....	11
Fasal: Amalan Apabila Sampai di Miqat .....	16
Fasal: Lokasi-Lokasi Miqat Tempat.....	21
Fasal: Jika Tiba di Miqat pada Bukan Bulan-bulan Haji...	26
Fasal: Status Haji Kanak-kanak, Adakah Memadai Kewajipan Hajinya?.....	29
Fasal: Penjelasan Larangan Ihram.....	32
Fasal: Amalan Orang Berhaji Ketika Masuk Mekah dan Penerangan Berkaitan Perkara Yang Dilakukan Apabila Masuk ke Masjidil Haram Antaranya Tawaf dan Kaifiat Berkaitannya.....	39
Fasal: Hukum Ihram Haji pada Hari Ke-8 Zulhijjah dan Pergi ke Mina .....	49
Fasal: Praktis Terbaik Bagi Jemaah Haji Pada Hari Sembelihan .....	65
Fasal: Kewajipan Dam (Denda) Bagi Jemaah Haji Tamattu' dan Qiran .....	71
Fasal: Kewajipan Amar Makruf Terhadap Orang Yang Menunaikan Haji dan Selain Mereka .....	74

Fasal: Anjuran Memperbanyakkan Amalan Ketaatan.....	82
Fasal: Hukum dan Adab Ziarah.....	83
Peringatan Penting:.....	95
Fasal: Galakan Menziarahi Masjid Quba' dan Perkuburan Baqi' .....	98

حرمين



رئاسة الشؤون الدينية  
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

